ڤربادنن اسلام جوهر

PERBADANAN ISLAM JOHOR

# LAPORAN EKSEKUTIF

*"KETEGUHAN EKONOMI MEMBANGUN UMMAH"*

ڤربادنن اسلام جوهر

PERBADANAN ISLAM JOHOR

# LAPORAN EKSEKUTIF

***"KETEGUHAN EKONOMI MEMBANGUN UMMAH"***


Hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Serta bertaqwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya)..
Surah Al-Maidah 5:2

ڤربادنن اسلام جوهر

PERBADANAN ISLAM JOHOR

PIJ HOLDINGS SDN. BHD.

INSIST AMILAT SDN. BHD.

PIJ PLANTATION SDN. BHD.

PIJ PROPERTY SDN. BHD.

PIJ MANUFACTURING SDN. BHD.

KORIDOR UTILITI JOHOR SDN. BHD.

# SIDANG REDAKSI

**SENARAI AHLI JAWATANKUASA SIDANG REDAKSI**

**PENAUNG**
YAB Datuk Haji Hasni Bin Mohammad
Menteri Besar Johor

**PENASIHAT**
Tuan Haji Abdul 'Alim bin Abd. Shukor

**PENGERUSI EDITORIAL**
Encik Abdul Azim bin Haji Shamsuddin

**KETUA PENGARANG**
Encik Amiruddin bin Mustapha

**PENOLONG KETUA PENGARANG**
Encik Mior Muhammad Hazwan bin Abd Rani

**SIDANG PENGARANG**
Tuan Haji Azizi Redza bin Haji Zainal
Puan Farahely binti Adnan
Encik Mohd Shakib bin Idrus
Encik Mohd Faiz bin Mohd Yasin
Encik Mohd Fuad bin Mohd Yasin
Encik Shahrin bin Aris
Puan Nor Azira binti Rahmat
Encik Ahmad Ridzuan bin Mohd Tap
Encik Ismail bin Yaakub
Cik Nurul Akmal binti Mohd Sulaiman

**WARTAWAN**
Encik Mas Hairul Ariffin bin Alwee
Encik Ahmad Tarmizi bin Hamid

**JURUFOTO**
Encik Mohd Jamal bin Roslan
Encik Eimiza Tawfiq bin Azmi

**KONSEP/KREATIF**
Encik Abdullah Hazim bin Abdul Wahab
Encik Mohd Azhar bin Ahmad

**URUSETIA**
Puan Rohayah Binti Abdul Samad



# KANDUNGAN


04
**Prakata**
Pengurus Besar Perbadanan Islam Johor

06
**Visi, Misi, Objektif**
Perbadanan Islam Johor

07
**Carta** Perbadanan Islam Johor & Kumpulan

09
**Ahli Lembaga Pengarah**
Perbadanan Islam Johor

13
**Latar Belakang**
Perbadanan Islam Johor

25
**Bahagian Pentadbiran**
Perbadanan Islam Johor

32
**Bahagian Pembangunan**
Perbadanan Islam Johor

39
**Tabung Waqaf Rakyat Johor**
Perbadanan Islam Johor

55
**Bahagian Kewangan**
Perbadanan Islam Johor

61
**Bahagian Audit Dalaman**
Perbadanan Islam Johor

65
**Latar Belakang**
PIJ Holdings Sdn. Bhd.

75
**Latar Belakang**
PIJ Plantation & Agriculture Sdn. Bhd.

81
**Latar Belakang**
PIJ Property Sdn. Bhd.

87
**Latar Belakang**
PIJ Manufacturing Sdn. Bhd.

93
**Latar Belakang**
Koridor Utiliti Johor Sdn. Bhd.

97
**Latar Belakang**
Insist Amilat Sdn. Bhd.

107
**Latar Belakang**
ICMC Healthcare Sdn. Bhd.

113
**Laporan & Penyata Kewangan**
Perbadanan Islam Johor

156
**Borang**
Potongan Gaji TWRJ







MAKMUR
JOHOR
JOHOR BERDAYA TAHAN DEMI KEMAKMURAN



"

Johor haruslah berdaya tahan demi kemakmuran. Maknanya, 'kemakmuran' itu terdiri daripada tiga aspek:-

Pertama, ialah aspek **EKONOMI**.
Kedua, aspek **GOVERNANS** dan
Ketiga adalah aspek **KESEJAHTERAAN RAKYAT**

Amanat Menteri Besar Johor
YAB Datuk Haji Hasni Bin Mohammad

Berdaya Tahan Demi Kemakmuran
14 Jun 2020



## 2017

Pecah tanah wakaf bagi pembinaan Hospital Pakar Wakaf

## 2016

Pelancaran Tabung Waqaf Rakyat Johor (TWRJ).



## 2004

Nama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor ditukar kepada Perbadanan Islam Johor.

## 1997

Penubuhan Insist Amilat Sdn. Bhd.



## 1995

Pewujudan PIJ Holdings Sdn. Bhd. (dahulunya dikenali sebagai PERISIND Holdings Sdn. Bhd.)




## 1976

Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor (PKEINJ) ditubuhkan

# PENGURUS BESAR PIJ

بسم الله الرحمن الرحيم

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Sidang Redaksi Laporan Eksekutif PIJ dan Kumpulan atas khidmat bakti bagi menjayakan penerbitan Laporan Eksekutif ini.

Saya difahamkan kali terakhir Laporan Eksekutif ini diterbitkan adalah pada tahun 2003. Perbadanan telah memulakan operasi pada 1 Januari 1977. Lebih 4 dekad PIJ dan Kumpulan mengorak langkah sebagai sebuah badan berkanun Kerajaan Negeri Johor, pelbagai sumbangan dan pembangunan dapat dijalankan dengan jayanya. Semoga PIJ dan Kumpulan terus maju dalam memacu kemajuan dan pembangunan ummah khususnya masyarakat serta rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim.

Semoga Laporan Eksekutif ini dapat diterbitkan secara berkala selepas ini. Syabas dan tahniah kepada semua yang berjaya menjayakan Laporan Eksekutif PIJ dan Kumpulan bagi tahun 2018-2019 ini.

Sekian, terima kasih.

**"KETEGUHAN EKONOMI MEMBANGUN UMMAH"**

Haji Abdul 'Alim bin Abd Shukor





*"Adalah menjadi kewajipan Perbadanan bagi memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menyelenggarakan kemajuan tanah di dalam Negeri Johor bagi maksud-maksud kemajuan agama Islam, kemajuan pertanian, perumahan, perusahaan , perlombongan dan perdagangan."*

**Seksyen 18(1)**
**Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor**
**Enakmen Bil. 1 Tahun 1976**



قربادنن اسلام جوهر

PERBADANAN ISLAM JOHOR



## VISI

Pemacu Pembangunan Sosio Ekonomi Umat Islam Negeri Johor

## MISI

Merealisasi Kecemerlangan Perkhidmatan Melalui Tadbir Urus Yang Cekap Dan Berkesan



## OBJEKTIF

- Memenuhi Sebahagian Keperluan Rakyat Islam Negeri Johor
- Menyalurkan Bantuan Kewangan Kepada Aktiviti-aktiviti Yang Beragendakan Islam
- Memastikan Anggota Kerja Yang Kompeten



CARTA

# PIJ DAN KUMPULAN

**100%** PIJ HOLDINGS SDN. BHD.

- **PENGURUSAN PEMBANGUNAN HARTANAH**
  - **100%** PIJ PROPERTY DEVELOPMENT SDN. BHD.
    - **30%** PANDAN BARU SDN. BHD.
    - **100%** ISEDECORBINA SDN. BHD.
- **PERLADANGAN**
  - **100%** PIJ PLANTATION SDN. BHD.
    - **70%** PPA BIO SDN. BHD.
    - **49%** JISMIL
      - **70%** JOHOR PLANT TECH SDN. BHD.
      - **51%** PIJ AGARWOOD SDN. BHD.
- **PENGERANG OIL & GAS CITY**
  - **49%** PERISIND SAMUDRA SDN. BHD.
  - **45%** IZIN BUDI SDN. BHD.

PERBADANAN ISLAM JOHOR

**TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR**

**100%**
INSIST AMILAT SDN. BHD.

**PEMBUATAN & PERINDUSTRIAN**

**UTILITI / INFRA**

**BISNES AMAL**

**100%**
KORIDOR UTILITI JOHOR SDN. BHD.

**100%**
PIJ HALAL VENTURES SDN. BHD.

ICMC HEALTHCARE SDN. BHD.

**100%**
PIJ MANUFACTURING SDN. BHD.

**100%**
KARISMA ASTAKA SDN. BHD.

AHLI

# LEMBAGA PENGARAH



**Y.A.B Datuk Haji Hasni bin Mohammad**
Menteri Besar Johor
**(Pengerusi)**

Yang Amat Berhormat Datuk Haji Hasni bin Mohammad, Menteri Besar Johor ke-18 dilantik pada Februari 2020. Beliau berusia 61 tahun dan merupakan lulusan Universiti of Missouri, Rolla USA dalam bidang Sarjana Muda Sains Kejuruteraan Awam. Mendirikan rumahtangga bersama Datin Fazlina binti Omar dan mempunyai 4 orang cahaya mata.

**Penglibatan**

- Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri Johor (2018 hingga sekarang)
- Pengerusi Barisan Nasional Negeri Johor (2018 hingga sekarang)
- ADUN Benut bagi Kawasan N53 Pontian (2008 hingga sekarang)
- Ahli Majlis Tertinggi UMNO Malaysia (2018 hingga sekarang)
- Ketua UMNO Bahagian Pontian (2002 hingga sekarang)
- Ahli Parlimen Pontian (Penggal 2004-2008)
- Setiausaha Biro Pertanian UMNO Malaysia (2004-2008)
- Ketua Pemuda UMNO Bahagian Pontian (1999-2002)
- Ketua UMNO Cawangan Pekan Nenas (1993-2002)
- Ketua Pemuda UMNO Cawangan Pekan Nenas (1985)





**Y.B Tuan Haji Tosrin bin Jarvanthi**
Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor
(Timbalan Pengerusi)

Y.B Tuan Haji Tosrin bin Jarvanti merupakan anak jati Negeri Johor yang berasal dari Kampung Air Manis, Kulai, Johor. Berusia 70 tahun dan berkahwin dengan Puan Ramlah binti Ali serta dikurniakan 6 orang cahaya mata. Antara Anugerah Kebesaran yang diterima adalah Bintang Sultan Ismail (B.S.I) dan Pingat Ibrahim Sultan II (P.I.S II). Bagi peringkat Persekutuan pula pernah dianugerahkan dengan pingat Ahli Mangku Negara (AMN).

Penglibatan dalam politik juga sangat meluas. Antara jawatan dan pengelibatan beliau sebelum ini adalah Pengawai Khas Penerangan Y.A.B Timbalan Perdana Menteri, Ahli Lembaga Lembaga Lada Hitam Malaysia, Ahli Majlis Daerah Kulai dan Adun Sedili. Beliau kini memegang jawatan Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia, Adun Bukit Permai dan juga Ahli Majlis Mesyuarat Negeri.

**Y.B Dato' Haji Azmi bin Rohani**
Setiausaha Kerajaan Johor
(Ex-Officio)

Y.B Dato' Haji Azmi bin Rohani telah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Johor pada Januari 2017. Beliau mempunyai pengalaman luas dalam pentadbiran negeri dan pernah menyandang jawatan Pengarah Tanah dan Galian Johor, Pentadbir Tanah Daerah Kota Tinggi dan Pengarah Jabatan Landskap Negeri Johor. Perkahwinan beliau bersama Datin Dr Hajah Noor Azizah binti Abdul Latiff telah dikurniakan dengan 4 orang cahaya mata.

Y.B Dato' Haji Azmi bin Rohani merupakan lulusan Universiti Teknologi Malaysia dalam bidang Sarjana Sains (Pembangunan dan Pentadbiran Tanah) serta Sarjana Muda Sains Pembangunan (Ekonomi dan Pengurusan) (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini sedang melanjutkan pengajian peringkat Doktor Falsafah di Universiti Teknologi Malaysia.

## AHLI
# LEMBAGA PENGARAH







**Y.B Dato' Haji A. Rahim Bin Haji Nin**
Pegawai Kewangan Negeri
(Ex-Officio)

Y.B Dato' Haji A. Rahim Bin Haji Nin merupakan lulusan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bidang Sarjana Muda Sastera (Kepujian). Dikurniakan Darjah Mulia Sultan Ibrahim Johor (DMIJ) oleh DYMM Sultan Johor, Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar pada April 2018 yang membawa gelaran Dato'.

Beliau juga seorang yang aktif dalam persatuan-persatuan sukan. Pernah terlibat sebagai Timbalan Presiden Persatuan Pelayang Negeri Johor, Pengerusi MAKSAK Johor untuk sukan Golf dan Bowling. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan dan Pertandingan Persatuan Bola Sepak Negeri Johor serta Pengerusi Sekretariat Sukan dan Rekreasi Persatuan Pegawai Tadbir Negeri Johor. Perkahwinan beliau bersama seorang guru, Datin Hajah Normah binti Haji Mat Lazim dikurniakan 4 orang cahaya mata.

**Y.B Tuan Amir bin Nasruddin**
Penasihat Undang-Undang Negeri Johor
(Ex-Officio)

Y.B Tuan Amir bin Nasruddin merupakan lulusan Universiti Teknologi Mara dalam bidang Diploma Lanjutan Undang-Undang (LLB Hons). Memulakan perkhidmatan sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Jabatan Peguam Negara (Cawangan Sabah) pada tahun 1995. Beliau menjawat jawatan Pengarah Pendakwaan Negeri Johor pada April 2019 sebelum dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Negeri Johor pada Januari 2020.

Y.B Tuan Amir bin Nasruddin berkahwin dengan Puan Rahimah Bee binti Mohd Yusof yang merupakan seorang pensyarah serta dikurniakan 3 orang cahaya mata.



**Y.B Dato' Haji Md. Rofiki bin Dato' Haji A. Shamsudin**
Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
(Ex-Officio)

Y.B Dato' Haji Md Rofiki bin Dato' Haji A. Shamsudin dilahirkan pada 11 Februari 1963 di Kundang Ulu, Tangkak Johor. Beliau berkelulusan Diploma Pertanian dan Ijazah Sains Perniagaan Tani dari Universiti Pertanian Malaysia serta Sarjana Sains (Pembangunan dan Pentadbiran Tanah) dari Universiti Teknologi Malaysia.

Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir di Negeri Johor pada tahun 1992. Bermula Julai 2018, Dato' Haji Md Rofiki bin Dato' Haji A. Shamsudin telah bertukar ke Jabatan Agama Islam Negeri Johor sebagai Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor. Perkahwinan beliau bersama Datin Hajah Fazidah binti Ahmad yang merupakan seorang guru telah dikurniakan dengan 6 orang cahaya mata.



**Sohibus Samahah Y.B Dato' Haji Yahya bin Haji Ahmad**
Mufti Negeri Johor
(Ahli)

Sohibus Samahah Y.B Dato' Haji Yahya bin Haji Ahmad dilahirkan pada tanggal 31 Julai 1967 dan berasal daripada Simpang Renggam, Kluang Johor. Merupakan pemegang Ijazah Sarjana Muda (Pengajian Islam dan Bahasa Arab) di Universiti Al-Azhar, Kaherah Mesir pada tahun 1990 di samping program Diploma Pengajian Islam pada tahun 1988 di KUSZA Kuala Terengganu dan Diploma Undang-Undang Kehakiman Syarie (1998) di Universiti Islam Antarabangsa. Pengalaman beliau dalam pentadbiran sangat luas. Merupakan Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Islam Johor sejak dari tahun 2016 dan Pengerusi Panel Syariah WAN Corp pada tahun 2017. Menjawat jawatan Timbalan Mufti pada tahun 2011 hingga 2018 serta dilantik sebagai Mufti Negeri Johor pada November 2018. Mempunyai 6 orang cahaya mata hasil perkahwinan beliau bersama Datin Hajah Patiah binti Yusof yang merupakan seorang guru.

# PERBADANAN ISLAM JOHOR

## LATAR BELAKANG

### Sejarah Penubuhan

Majlis Mesyuarat Kerajaan Johor telah membuat ketetapan pada 10 April 1974 supaya 3 orang Pegawai daripada Jabatan Agama Johor dihantar untuk menjalani kursus dan mempelajari kerja-kerja pentadbiran wakaf dan lain-lain perkara yang ada kaitan dengannya di Kementerian Wakaf Mesir selama 7 bulan mulai bulan November 1974 hingga bulan Mei 1975 dan sebulan melawat sambil mempelajari kerja-kerja pentadbiran wakaf di Turki iaitu di dalam bulan Jun 1975.

Di antara perkara-perkara yang telah dipelajari di Kementerian Wakaf Mesir adalah undang-undang Wakaf Mesir, sistem dan organisasi pentadbiran Kementerian Wakaf Mesir, cara-cara perjalanan dan tugas Jabatan Wakaf di dalam Kementerian Wakaf Mesir, cara-cara hujah-hujah wakaf, cara-cara perjalanan, pentadbiran dan pengawalan serta perkembangan harta wakaf di Mesir yang dijalankan oleh Perbadanan Wakaf Mesir. Perbadanan ini telah memainkan peranannya yang besar sumbangannya kepada perkembangan dan kemajuan ekonomi negara.

PERBADANAN ISLAM JOHOR

**Sebuah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor**



Di Turki, rombongan tersebut telah mempelajari kerja-kerja pentadbiran Jabatan 'Am Wakaf Turki yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri, Turki. Di antara perkara-perkara yang telah ditinjau dan dikaji adalah struktur organisasi pentadbiran Jabatan 'Am Wakaf Turki, tugas Jabatan-Jabatan di dalam Jabatan 'Am Wakaf Turki, kegiatan-kegiatan Jabatan 'Am Wakaf Turki di bidang-bidang pertanian, perusahaan, perdagangan, perlombongan dan pembinaan bangunan. Kegiatan memperbaiki bangunan-bangunan lama & bersejarah, kegiatan dalam bidang kebajikan masyarakat, dan kegiatan-kegiatan Bank Wakaf Turki.

**Perbadanan Islam Johor yang dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kuatkuasa Enakmen Bil. 1 Tahun 1976 yang dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor, 1976 dan mula berkuatkuasa pada 6 Mei 1976**

**Punca Kuasa**

Perbadanan Islam Negeri Johor telah ditubuhkan melalui Enakmen Bil.1 Tahun 1976 yang ditetapkan oleh Raja dalam Mesyuarat melalui pemberitahuan dalam Warta.



Setelah kembali, mereka telah bertemu dan memberi taklimat kepada Y.A.B. Menteri Besar Johor mengenai kursus tersebut pada 6 Julai 1975 di mana Y.A.B. Menteri Besar Johor sendiri telah mengarahkan supaya diwujudkan satu Perbadanan yang akan dinamakan "Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor" yang mempunyai tujuan memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menyelenggarakan kemajuan tanah di dalam Negeri Johor bagi maksud-maksud kemajuan agama Islam, kemajuan pertanian, perusahaan, perlombongan dan perdagangan.

Berikutan dengan arahan itu, sebuah Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor telah ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Johor dengan kuatkuasa Enakmen Bil. 1 Tahun 1976 yang dinamakan Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor, 1976 dan mula berkuatkuasa pada 6 Mei 1976 iaitu tarikh Enakmen tersebut disiarkan dalam Warta Kerajaan Johor mengikut kehendak Seksyen 1 Enakmen tersebut, sebagaimana yang telah dipersetujukan oleh DYMM Sultan Johor pada 21 April 1976.

PIJ mula beroperasi pada 1 Januari 1977 dengan menyewa rumah kedai kepunyaan Majlis Agama Islam Negeri Johor yang beralamat di No. 45, Jalan Ibrahim, Johor Bahru.



Kemudian pada tahun 1983 PIJ berpindah ke rumah kedai kepunyaan PIJ sendiri di No. 1 & 2 rumah kedai Taman Perbadanan Islam, Kebun Teh, Johor Bahru. Apabila bangunan pejabat PIJ tiga tingkat siap dibina yang terletak bersebelahan dengan rumah kedai PIJ, Kebun Teh, Johor Bahru, PIJ mula berpindah di bangunan tersebut sekitar tahun 1986 yang beralamat di Tingkat 3 Lot 6, Bangunan PIJ, Kebun Teh, Johor Bahru.

Pada tahun 2003, PIJ berpindah pula di Aras 6, Bangunan PIJ Holdings, Jalan Tan Hiok Nee, Johor Bahru dan pada 17 September 2017 PIJ berpindah semula di bangunan sendiri iaitu di Tingkat 3, Lot 1, Bangunan PIJ, Kebun Teh, Johor Bahru sehingga kini yang mana turut menempatkan anak syarikat PIJ iaitu Insist Amilat Sdn. Bhd., ICMC Healthcare dan juga penyewa-penyewa PIJ.




**Seksyen 3:**

"Maka adalah dengan ini ditubuhkan suatu pertubuhan Perbadanan Islam Johor yang kekal turun-temurun yang mempunyai suatu meteri dan berkuasa penuh di bawah nama Perbadanan tersebut untuk mendakwa dan didakwa tertakluk kepada dan bagi enakmen ini, boleh membuat kontrak dan boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih dan boleh memindahak, menyerahak, menyerahbalik, memulang, mencagar, menggadaijanji, menderma, menyerahak semula, memindahmilik atau dengan secara lain melepaskan atau membuat apa-apa urusan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih atau apa-apa kepentingan mengenainya yang terletak hak pada Perbadanan mengikut apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Perbadanan"



## DASAR KUALITI

PIJ komited dalam pemberian perkhidmatan membangun ekonomi umat Islam Negeri Johor secara konsisten berdasarkan Sistem Pengurusan Kualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan.

# OBJEKTIF KUALITI

- Kajian Maklumbalas Pelanggan mencapai 80% setahun.
- Semua aduan diambil tindakan dalam masa 24 jam.
- Status permohonan diberi maklumbalas kepada pemohon dalam masa 7 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen lengkap.
- Semua pembayaran dibuat dalam masa 14 hari bekerja dari tarikh dokumen pembayaran lengkap diterima di Bahagian Kewangan.
- Pengeluaran resit rasmi penerimaan hasil akan dikeluarkan dalam masa 1 hari daripada tarikh penerimaan Bahagian Kewangan.
- Pengeluaran resit rasmi penerimaan tunai waqaf akan dikeluarkan dalam masa 1 hari daripada tarikh penerimaan Bahagian Kewangan.

# PERBADANAN ISLAM JOHOR

## CARTA ORGANISASI PERBADANAN ISLAM JOHOR




SETIAUSAHA PEJABAT
N29
PENGURUS PEMBANGUNAN KANAN
N48
PENGURUS WAKAF
N41(K)
PENGURUSAN HARTANAH
PENOLONG JURUTERA
JA29
PEMB. TADBIR KANAN
N22(TBK)
PEMB. TADBIR P/O
N19(K)
PEMB. TADBIR P/O
N19(K)
PEMBANGUNAN INSAN
PEN. PENGURUS PEMBANGUNAN
S29
PEMB. TADBIR P/O
N19
PEMB. TADBIR P/O
N19(K)
PEMBANGUNAN WAKAF
PEN. PENGURUS WAKAF
N29(K)
PEN. PENGURUS WAKAF
N29(K)
PEMB. TADBIR P/O
N22(TBK)
PEMBANGUNAN TANAH
PEMB. TADBIR P/O
N19 (K)




**Dari kiri barisan pertama**:
Mohd Faris, Roslan, Muhammad Fahmi, Mohd Nahar, Abdullah Hazim, Mazzainurin, Mohd Fairuz, Muhamad Hafiz, Eddy Faizul, Muhammad Hanafi, Zulkiflee, Mohd Jamal, Zabur.

**Dari kiri barisan kedua:**
Mas Hairul Ariffin, Muhamad Faisal, Haji Azizi Redza, Haji Abdul 'Alim, Abdul Azim, Amiruddin, Mior Muhammad Hazwan, Mohd Hairul Nizam.

**Dari kiri barisan ketiga:**
Norliza, Norhidayah, Syamimi, Norzalifa, Nur Syazalia, Nur Fathini Atiqah, Nur Adibah Dayanah, Zeti Atikah, Nurfirdanni, Siti Aisyah, Nuramira.

**Dari kiri barisan keempat:**
Rosnah, Aida Nor Wani, Nur Fazira, Farahely, Nur Hanani, Rohayah, Siti Harlina, Zaliha.

# ANUGERAH KECEMERLANGAN PENGURUSAN KEWANGAN BERDASASKAN INDEKS AKAUNTABILITI TAHUN 2017



# ANUGERAH KECEMERLANGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS TAHUN 2018



NO. SIRI: 23074

SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

**ANUGERAH KECEMERLANGAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA (KPI) HRMIS TAHUN 2018**

Kepada

**PERBADANAN ISLAM NEGERI JOHOR**

di atas pencapaian cemerlang

**100%**

**KPI HRMIS Tahun 2018**

SETIAUSAHA KERAJAAN JOHOR

DATO' HAJI AZMI BIN ROHANI
Setiausaha Kerajaan Johor

# PENCAPAIAN PIJ

## SIJIL SIRIM QAS INTERNATIONAL SDN. BHD.

SIRIM QAS INTERNATIONAL

### *SIJIL*

QUALITY SYSTEM
SIRIM

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
**T 3.1, BANGUNAN PIJ**
**26C, JALAN REBANA, KEBUN TEH**
**80250 JOHOR BAHRU**
**JOHOR DARUL TAKZIM**
**MALAYSIA**

STANDARDS MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

**ISO 9001:2015**

*QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements*

UKAS
074

IQNet

Skop Pensijilan

1) **PENGURUSAN PENYEWAAN DAN AKTIVITI PEMANTAUAN KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN BANGUNAN DAN RUMAHKEDAI PERBADANAN ISLAM JOHOR;**
2) **PENGURUSAN BANTUAN AMAL JARIAH PERBADANAN ISLAM JOHOR;**
3) **PROSEDUR PENGURUSAN BUKU PERKHIDMATAN KERAJAAN;**
4) **PROSEDUR PENGURUSAN BAJET TAHUNAN; DAN**
5) **PROSEDUR PELAKSANAAN AUDIT DALAM PERBADANAN ISLAM JOHOR.**

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh dikeluarkan | : | **04 April 2020** |
| Tarikh asal pensijilan | : | **21 Mac 2002** |
| Tarikh luput | : | **20 Mac 2023** |
| No. pensijilan | : | **QMS 00983** |

**SIRIM QAS International Sdn. Bhd.**
(No. Syarikat 410334-X)
1, Persiaran Dato' Menteri
Seksyen 2, Peti Surat 7035
40700 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel : 60-3-5544 6404
Faks : 60-3-5544 6787

http://www.sirim-qas.com.my
http://www.malaysiancertified.com.my

**Mohd Azanuddin Salleh**
Ketua Pegawai Eksekutif
SIRIM QAS International Sdn. Bhd.

Penganugerahan sijil ini tertakluk kepada peraturan-peraturan dan syarat-syarat ternyata dalam Perjanjian Pensijilan

## BAHAGIAN-BAHAGIAN DI PIJ





ڤربادنن اسلام جوهر

PERBADANAN ISLAM JOHOR

فربادنن اسلام جوهر كوميتد دالم فمبرين
فرخدمتن ممباغون ايكونومي اومت اسلام نضري
جوهر سخارا كونسيستن برداسركن سيستم
فغوروسن كواليتي باضي ممنوهي كفرلوان
فلغضن.

# BAHAGIAN PENTADBIRAN PIJ

**LATAR BELAKANG**

Memberi perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dari aspek pengurusan sumber manusia, pentadbiran am, pengurusan stor dan pengurusan perolehan selaras dengan keperluan organisasi.

Skop :

1) Perkhidmatan
2) Pengurusan Hartanah
3) Penyelenggaraan
4) Teknologi Maklumat

**OBJEKTIF BAHAGIAN PENTADBIRAN**

Memberi perkhidmatan sokongan yang cekap dan berkesan dari aspek pengurusan sumber manusia, pentadbiran pejabat, sewaan hartanah & perolehan dan stor selaras dengan keperluan organisasi. pelan tindakan Bahagian Pentadbiran akan menghasilkan *outcome* sebagaimana berikut:-

- Meningkatkan kesetiaan dalam memberikan perkhidmatan lengkap dengan pengetahuan dan integriti yang tinggi.
- Melaksanakan kaedah yang sesuai untuk penjimatan dan perbelanjaan operasi yang berhemah.
- Membantu meningkatkan hasil jabatan melalui pelbagai jenis peluang perniagaan dan perdagangan.
- Mengoptimumkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) bagi kelancaran operasi jabatan.



# CARTA ORGANISASI PENTADBIRAN

- HAJI ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR<br>PENGURUS BESAR<br>JUSA C (KUP)
  - ROSNAH BT MOHAMAD<br>SETIAUSAHA PEJABAT<br>N29
  - ABDUL AZIM BIN HJ SHAMSUDDIN<br>TIMBALAN PENGURUS BESAR<br>N52
    - AMIRUDDIN BIN MUSTAPHA<br>PENGURUS PENTADBIRAN KANAN<br>N44
      - NUR FAZIRA BINTI SAMAT<br>PENGURUS PENTADBIRAN<br>N41
        - **TEKNOLOGI MAKLUMAT**
          - MOHD JAMAL BIN ROSLAN<br>PENOLONG PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT<br>FA29
        - **PENTADBIRAN & PERKHIDMATAN**
          - ROHAYAH BT ABD SAMAD<br>PEMB. TADBIR KANAN<br>N22
            - PERKHIDMATAN & LATIHAN
              - ZETI ATIKAH BT KAMARUDIN<br>PEG. KHID. PELANGGAN<br>N19
              - NORHIDAYAH BT OTHMAN<br>PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>N19
            - ASET / SETOR
              - ZULKIFLEE BIN ABDULLAH<br>PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>N19
            - PEROLEHAN
              - NUR FIRDANNI BT MOHD NOOR<br>PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>N19 (K)
            - MOHD NAHAR BIN PADIL<br>PEMBANTU OPERASI<br>N11
            - MOHD FARIS BIN MD SALLEH<br>PEMBANTU OPERASI<br>N11
            - ROSLAN BIN RABUN<br>PEMANDU KENDERAAN<br>H11 (TBK)
            - ZABUR BIN WARIS<br>PEMANDU KENDERAAN<br>H11
            - EDDY FAIZUL BIN AHMAD<br>PEMANDU KENDERAAN<br>H11 (K)
        - **PENYELENGGARAAN & PENYEWAAN**
          - MOHD FAIRUZ BIN AHMAD<br>PENOLONG JURUTERA<br>JA29
            - PENYEWAAN
              - NUR ADIBAH DIYANAH BT SULAIMAN<br>PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>N19 (K)
              - NUR FATHINI ATIQAH BT MAMAT<br>PEMBANTU TADBIR (P/O)<br>N19 (K)
            - PENYELENGGARAAN
              - SITI HARLINA BT AHMAD<br>PEMBANTU TADBIR KANAN<br>N22 (TBK)

## Sambutan Maulidur Rasul Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan




*Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1441H Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan di Masjid Jamek Kampung Kurnia, Johor Bahru*



## Program Jom Outing PIJ

*Senamrobik sebelum aktiviiti Treasure Hunt di Sireh Park, Iskandar Puteri, Johor*





*Aktiviti Hiking di Gunung Pulai, Kulai, Johor*

## Program Sambutan Hari Raya Aidilfitri PIJ

*Program Retreat PIJ di Mutiara Hotel Johor Bahru*







*Majlis Sambutan Hari Raya PIJ di Bangunan PIJ*

## Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan



*Kursus Pengurusan Keselamatan Perlindungan bertempat di Holiday Villa, Johor Bahru*

# BAHAGIAN PEMBANGUNAN (UNIT INSAN)

**LATAR BELAKANG**

Aktiviti komersil Perbadanan Islam Johor (PIJ) telah dikorporatkan pada tahun 1995. Selepas dasar pengkorporatan, Bahagian Pembangunan Insan diwujudkan dengan matlamat untuk membangunkan ummah yang berteraskan Islam di negeri Johor.

PIJ melalui Bahagian Pembangunan (Insan) telah memperbanyak aktiviti-aktiviti dan program-program sosio-ekonomi yang telah dirancang dan dikenalpasti seperti berikut:

- Bantuan Pelajaran
- Bantuan Kemudahan Sekolah
- Bantuan Ibadah
- Bantuan Meningkatkan Syiar Islam
- Bantuan Ekonomi
- Bantuan Pembangunan Perniagaan
- Bantuan Perubatan
- Bantuan Lain-lain

Program dan Bantuan serta aktiviti yang dijalankan berbentuk latihan dan bimbingan serta bantuan terus kepada penerima yang layak.



# CARTA ORGANISASI PEMBANGUNAN (INSAN)

HAJI ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR
PENGURUS BESAR
JUSA C (KUP)

ABDUL AZIM BIN HJ SHAMSUDDIN
TIMBALAN PENGURUS BESAR
N52

HAJI AZIZI REDZA BIN ZAINAL
PENGURUS PEMBANGUNAN KANAN
N48

MUHAMMAD FAISAL BIN AHMAD
PENOLONG PEGAWAI PEMBANGUNAN MASYARAKAT
S29

NORZALIFA BT RABION
PEMBANTU TADBIR (P/O) INSAN
N19

SYAMIMI BT MOHD RASHID
PEMBANTU TADBIR (P/O) INSAN
N19

(KOSONG)
PEMBANTU TADBIR (P/0) TANAH
N19



## Bantuan Meningkatkan Syiar Islam




*Program-program tajaan eksklusif di stesen radio Best FM bertujuan menghebahkan aktiviti PIJ dan kumpulan. Mempromosi bantuan Perbadanan Islam Johor, Tabung Waqaf Rakyat Johor, Amil zakat dan Takaful Insurans (Insist Amilat Sdn. Bhd.)*

## Bantuan Kursus Perniagaan Kepada Usahawan





*Program bantuan kursus kewangan dan rancangan perniagaan yang memberi penekanan kepada ilmu pengetahuan, motivasi dan teknik, mendaftarkan produk, hak cipta dan pensijilan halal*

## Bantuan Pembangunan Perniagaan

*Peniaga dibantu dengan bantuan modal RM1,000.00 untuk permulaan perniagaan melalui Program Bantuan 'MY HOME SHOP'.*



## Bantuan Perubatan



*Bantuan disalurkan kepada seluruh Pusat Dialisis di Negeri Johor*

## Bantuan Perubatan



*Pesakit menjalani rawatan dialisis menerima bantuan RM1,000.00 bagi menampung sebahagian kos pemasangan fistula*

*Pesakit menjalani rawatan dialysis menerima bantuan RM1,000.00 bagi menampung sebahagian kos pemasangan fistula.*



## Bantuan Fasiliti kepada Usahawan



*Inkubator*
*Taman Bukit Dahlia,*
*Pasir Gudang*



*Inkubator*
*Bandar Baru Uda,*
*Johor Bahru*

## Lain-Lain Bantuan

*Bantuan kemanusiaan ke luar negara, membantu masyarakat Acheh di negara Indonesia bagi meningkatkan syiar Islam demi kemaslahatan ummah sejagat.*





*Bantuan tanggungjawab sosial dalam membantu umat Islam di Negeri Johor yang kurang bernasib baik*

**TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR**

PERBADANAN ISLAM JOHOR

MEMBANGUN SWADAYA UMMAH

# TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR

## LATAR BELAKANG DAN SEJARAH



**PIJ** dahulu dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor, merupakan salah satu Badan Berkanun Kerajaan Negeri Johor yang ditubuhkan di Bawah Enakmen Bil 1 Tahun 1976. PIJ menjalankan operasinya menerusi sumber kewangan dalamnya sendiri.

Pelantikan PIJ oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) pada 26 Januari 2016 sebagai Nazir Khas Pembangunan Waqaf Negeri Johor.

Bagi melaksanakan hasrat Kerajaan Negeri Johor, PIJ hanya diberi kuasa sebagai Nazir Khas Pembangunan Waqaf Negeri Johor manakala MAINJ masih lagi pemegang amanah tunggal harta waqaf seluruh Negeri Johor.

***"Enakmen Pentadbiran Agama Islam(Negeri Johor) 2003 (EN.16/2003) seksyen 89 menyatakan Majlis Agama Islam Negeri Johor pemegang amanah tunggal waqaf, Nazir dan amanah di dalam Negeri Johor".***

***" Bandingan ( pahala ) orang-orang yang membelanjakan harta mereka pada jalan Allah seumpama sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai dan tiap-tiap tangkai itu pula terdapat seratus biji. Dan ingatlah Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendakiNya dan Alah Maha Luas (KurniaNya) lagi Maha Mengetahui. "***

**(Surah Al-Baqarah : 261)**

## FUNGSI DAN KAEDAH BERWAKAF

**FUNGSI**

- Mengumpul dana wakaf melalui wakaf tunai (individu, wakaf korporat dan potongan gaji) dan pelaburan.
- Mempromosi Tabung Waqaf Rakyat Johor melalui media massa, iklan, ekspo, karnival, laman sesawang dan penerbitan bagi membangunkan institusi wakaf di Negeri Johor.
- Membuat pelaburan yang dibenarkan oleh syarak untuk manfaat umat Islam di Negeri Johor.
- Membangun dan memajukan hartanah dan aset-aset wakaf termasuk yang diserah oleh MAINJ.

**KAEDAH BERWAKAF**

Melalui kaedah pewakafan menggunakan potongan gaji secara bulanan, kakitangan awam Negeri, Badan Berkanun Negeri, PBT dan Syarikat Korporat boleh menyumbang kepada Tabung Waqaf Rakyat Johor.

Kod Potongan Gaji Skim Wakaf Tunai TWRJ

| | |
|---|---|
| **PERSEKUTUAN** | **5078** |
| **KERAJAAN NEGERI** | **2518** |



## AGENDA UTAMA

### 1 EKONOMI
- Membangun sektor hartanah dan aset berkaitan wakaf
- Mewujudkan tapak-tapak perniagaan bagi peniaga Islam
- Meningkatkan ekonomi asnaf di Negeri Johor

### 2 PENDIDIKAN
- Sumbangan pembangunan surau di sekolah-sekolah terpilih di seluruh Negeri Johor
- Dana Pelengkap bagi melengkapkan pembangunan infra dan prasarana di sekolah-sekolah terpilih

### 3 EKONOMI
- Membangun sektor hartanah dan aset berkaitan wakaf
- Mewujudkan tapak-tapak perniagaan bagi peniaga islam
- Meningkatkan ekonomi asnaf di Negeri Johor

### Bagaimana Caranya?

Tabung Waqaf Rakyat Johor mencadangkan satu kadar minima **RM10.00** bagi memudahkan pelaksanaan dalam mencapai sasaran

***Wakaf Mudah, Rezeki Berkah***

**Tradisional**
Mendekati pewakaf secara peribadi, memberi penjelasan secara individu, booth, media sosial dan media massa

**Kontemporari**
Memperolehi persetujuan daripada pewakaf untuk menyalurkan wang tunai secara berterusan dan berkala (setiap bulan)melalui potongan gaji atau pembayaran keluar daripada akaun simpanan tunai

# TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR

## CARTA ORGANISASI TWRJ

HAJI ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR
PENGURUS BESAR
JUSA C (KUP)

ABDUL AZIM BIN HJ SHAMSUDDIN
TIMBALAN PENGURUS BESAR
N52

HAJI AZIZI REDZA BIN ZAINAL
PENGURUS PEMBANGUNAN KANAN
N48

MIOR MUHAMMAD HAZWAN BIN ABD RANI
PERGURUS WAKAF
N41 (K)

ABDULLAH HAZIM BIN ABDUL WAHAB
PENOLONG PERGURUS WAKAF
N29 (K)

MAS HAIRUL ARIFFIN BIN ALWEE
PENOLONG PERGURUS WAKAF
N29 (K)

MAZZAINURIN BIN MOHD SAPUAN
PEMBANTU TADBIR P/O TBK
N22



## PROJEK PEMBANGUNAN TWRJ

### Majlis Perasmian Tabung Waqaf Rakyat Johor





*Sultan Johor DYMM Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Iskandar berkenan melihat model Hospital Pakar Wakaf sambil diperhatikan oleh Menteri Besar ketika itu YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin pada Majlis Pelancaran Tabung Waqaf Rakyat Johor*

### Hospital Pakar Wakaf




*Kos pembangunan Hospital Pakar Wakaf bernilai RM269 juta. Komponen Kompleks Hospital Pakar Wakaf atas tanah wakaf milik MAINJ merangkumi satu blok hospital yang mengandungi 306 buah katil dan satu bangunan tempat letak kereta bertingkat dengan 1124 petak. 1000-3000 Asnaf berdaftar di Negeri Johor akan dapat rawatan secara percuma*

## PROGRAM / AKTIVITI TWRJ



*Sumbangan pembinaan surau Al-Mumtaz di Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai 2, Johor Bahru bernilai RM250,000.00*









*Sumbangan*
*12 mesin hemodialisis*
*kepada Pusat Dialisis*
*Insist Amilat Sdn. Bhd.*
*Taman Rinting*
*bernilai RM504,000.00*

## PROGRAM / AKTIVITI TWRJ



Booth TWRJ di Muzakarah Wakaf Antarabangsa bertempat di Hotel Fraser Place Puteri Habour.



Promosi TWRJ di rancangan Rahmatan Lil Alamin TV Al-Hijrah



Sumbangan
100 buah rehal
dan sejadah
kepada Kolej Vokasional
Pasir Gudang, Johor

Taklimat
Pembangunan TWRJ
di Majlis Perbandaran
Pasir Gudang, Johor



## PROGRAM / AKTIVITI TWRJ




*Taklimat
Pembangunan TWRJ
di Pejabat Daerah Pontian*

*Agihan bubur lambuk
kepada pengunjung
Galleria Mall Kota Raya
pada Bulan Ramadhan*











*Majlis menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara Tabung Waqaf Rakyat Johor dan AmmetLife Takaful Berhad di Bangunan Ammetlife, Kuala Lumpur*

# TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR

## PROGRAM / AKTIVITI TWRJ




*Membuka booth Tabung Waqaf Rakyat Johor di Plaza Angsana Johor Bahru*



*Membuka booth Tabung Waqaf Rakyat Johor di Bangunan KWSP, Johor Bahru*





*Bantuan membina tempat mengambil wuduk di Sekolah Menengah Agama Lughatul Quran, Muar, Johor*



# TABUNG WAQAF RAKYAT JOHOR

## PROGRAM / AKTIVITI TWRJ




*Tajaan*
*F1 Challenge Championship peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa kepada kumpulan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Johor Bahru*






*Sumbangan Tunai*
*kepada lapan buah*
*Madrasah Tahfiz di sekitar Negeri Johor*

# BAHAGIAN KEWANGAN PIJ

## LATAR BELAKANG

Bahagian Kewangan Perbadanan Islam Johor (PIJ) bermula dengan seorang Pengurus Kewangan, dua orang Penolong Akauntan dan dua orang Pembantu Tadbir. Pada peringkat awal semua penyediaan penyata kewangan adalah dilakukan secara manual tanpa menggunakan sistem berkomputer.

Sehingga kini, bahagian kewangan telah melalui era perubahan secara berperingkat seiring dengan perkembangan teknologi. Bahagian kewangan telah menggunakan perisian kewangan bermula pada tahun 2010 bagi membantu kerja-kerja penyediaan penyata kewangan. Kini, Bahagian Kewangan di PIJ telah berkembang dan mempunyai 9 orang pegawai dan pengkhidmat yang diketuai oleh seorang Pengurus Kewangan Kanan serta dibantu oleh seorang Penolong Akauntan Kanan, dua orang Penolong Akauntan, dan empat orang Pembantu Tadbir.

Mengawal pengaliran Kewangan PIJ daripada segi sumber penggunaanya supaya dapat mengikut peruntukan belanjawan yang diluluskan.

Mengawal dan memastikan semua rekod-rekod perakaunan PIJ diselia dan diselenggarakan dengan sistematik, tepat dan teratur berdasarkan peraturan kewangan.



# CARTA ORGANISASI KEWANGAN




Berdasarkan carta organisasi, bahagian kewangan terdiri daripada dua bahagian iaitu bahagian penerimaan dan pembayaran. Bahagian penerimaan bertanggungjawab mengurus, mengutip dan menyelenggara segala hasil yang di terima oleh PIJ. Bahagian pembayaran pula bertanggungjawab membuat pembayaran ke atas tuntutan daripada pembekal dan kakitangan, mengurus kawalan perbelanjaan, dan menyelenggara rekod -rekod berkaitan perbelanjaan PIJ.

Bahagian Kewangan akan sentiasa komited untuk mengekalkan sijil bersih audit bagi penyata kewangan setiap tahun dan berusaha untuk memperoleh Sijil Pematuhan SAGA dalam masa terdekat.







*Kursus Pengenalan dan Pemahaman MPSAS anjuran bersama KKSPIJ*

*Perbincangan mengenai*
*Sistem Kewangan SAGA*
*bertempat di*
*Lembaga Pelabuhan Johor,*
*Pasir Gudang, Johor*







*Perbincangan mengenai*
*Sistem Kewangan SAGA bertempat di UPSI, Perak*



*Perbincangan mengenai*
*Sistem Kewangan SAGA bertempat di UPSI, Perak*

# BAHAGIAN AUDIT DALAM PIJ

**PENGENALAN**

Menurut Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, adalah menjadi polisi kerajaan untuk mewujudkan fungsi audit dalam sebagai satu fungsi bebas yang memberi kepastian dan khidmat perundingan secara objektif untuk menambah nilai dan mempertingkatkan tahap operasi organisasi.

Objektif penubuhan Unit Audit Dalam (UAD) ini adalah selaras dengan keperluan Perbadanan Islam Johor (PIJ) dalam mengamalkan dasar kawalan terhadap anak syarikat seperti mana keperluan Lembaga Pengarah dan Enakmen Perbadanan Islam Johor. Di samping itu, UAD turut berfungsi menjalankan pengauditan terhadap operasi PIJ.

UAD PIJ telah ditubuhkan melalui Ketetapan Beredar Lembaga Pengarah No. 9/2005. Ia ditubuhkan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2, Tahun 1979 dan dikemaskini lagi melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9, 2004.

**LATAR BELAKANG**

Jabatan Audit Negara melalui suratnya bertarikh 15 Jun, 2004 mengenai teguran Audit Pengurusan Kewangan telah mencadangkan diwujudkan satu jawatankuasa audit selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 untuk memantau aktiviti-aktiviti anak syarikat.

Mesyuarat Lembaga Pengarah PIJ ke-65 pada 18 Oktober 2004 telah bersetuju mewujudkan Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan di PIJ mulai 1 Oktober 2004. Unit Audit Dalam PIJ (UAD) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 2005 melalui Ketetapan Beredar Lembaga Pengarah No 9/2005.

Ketua Jabatan melalui Pengurus Besar PIJ perlu mengesahkan aktiviti perancangan audit yang disediakan bagi memastikan tugasan audit yang akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa pengurusan. Dengan ini akan wujud satu mekanisme penyemakan dan pengimbangan (*check and balance*) terhadap aktiviti audit dengan penglibatan pihak pengurusan atasan PIJ.

**TANGGUNGJAWAB UAD**

- Mengkaji kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalam operasi;
- Mengkaji tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa;
- Mengkaji aktiviti organisasi diuruskan secara berhemah, cekap dan berkesan;
- Mengkaji aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan;
- Memberi nasihat dan pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT.

# CARTA ORGANISASI AUDIT DALAM

HAJI ABDUL 'ALIM BIN ABD. SHUKOR
PENGURUS BESAR
JUSA C (KUP)

ABDUL AZIM BIN HJ SHAMSUDDIN
TIMBALAN PENGURUS BESAR
N52

**BAHAGIAN AUDIT DALAM**

NUR HANANI BT KAMARUDIN
JURUAUDIT
W41 (K)

MUHAMAD HAFIZ BIN SAIMON
PENOLONG JURUAUDIT
W29

NORLIZA BT ASMONI @ ASAN
PEMBANTU JURUAUDIT
W19



*Lawatan Audit ke*
*Projek Pembangunan PPA*
*di Taman Suria Muafakat,*
*Johor Bahru*









*Lawatan Audit ke*
*Kilang Aloe Shafy*
*milik PIJ Manufacturing Sdn. Bhd.*
*bertempat di*
*Gelang Patah, Johor*



*Lawatan Audit ke Teluk Jawa, Permas Jaya, Johor Bahru*



# PIJ HOLDINGS SDN. BHD.

## LATAR BELAKANG DAN SEJARAH

PIJ Holdings Sdn. Bhd. (PIJ Holdings) telah ditubuhkan pada Januari 1995, syarikat milik penuh Perbadanan Islam Johor.

PIJ Holdings terlibat dalam sektor bisnes Pembangunan & Pengurusan Hartanah, Perladangan, Pembangunan Bandar Minyak & Gas Pengerang (POGC), Pembuatan & Perindustrian, Utiliti, dan Konsultasi Halal Malaysia.

PIJ HOLDINGS

### 1995

**Pengkorporatan Perbadanan Islam Johor**
Selaras dengan pengkorporatan Perbadanan Islam Johor (dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor – PKEINJ), Perisind Holdings Sdn. Bhd. telah ditubuhkan sebagai syarikat induk bisnes. Pada awalnya, bisnes yang diusahakan melibatkan sektor Pembangunan & Pengurusan Hartanah, Perladangan, Perkilangan & Perindustrian.

### 2009

**Penjenamaan Perisind Holdings kepada PIJ Holdings**
Pada Ogos 2009, Perisind Holdings Sdn. Bhd. telah dijenamakan semula kepada PIJ Holdings Sdn Bhd selaras dengan pertukaran nama PKEINJ kepada Perbadanan Islam Johor.

### Visi

Badan Korporat Pacuan Pasaran Bertaraf Global Berteraskan Keilmuan dan Prinsip KeIslaman

### Misi

Menjadi Sebuah Organisasi Korporat Islam yang Berdaya Maju dan Menguntungkan Berpaksikan Kepada Tiga Teras Utama :

- Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR)
- Pembangunan Korporat
- Berdaya Maju & Berdikari



**Bangunan Ibu Pejabat**
Terletak di tengah kota raya Johor Bahru, Bangunan PIJ Holdings menempatkan Ibu Pejabat PIJ Holdings serta syarikat-syarikat di bawah Kumpulan PIJ Holdings. Siap dibina pada tahun 1999, Bangunan PIJ Holdings berdekatan dengan bangunan ikonik Bank Negara Malaysia Johor Bahru dan bangunan bersejarah Bangunan Sultan Ibrahim. Lokasi yang strategik dan berdekatan dengan pengangkutan awam menjadi faktor Universiti Antarabangsa UNITAR menjadikan bangunan ini sebagai pusat pengajiannya di Johor Bahru.

# PIJ HOLDINGS SDN. BHD.

## STRUKTUR ORGANISASI PIJ HOLDINGS







1. **YB Dato' Ramlee bin A Rahman** (Pengarah Urusan)
2. **Abdul Rashid bin Ismail** (Pengurus Besar)
3. **Khasanah binti Sufa'at** (Pengurus Kanan Jabatan Pembangunan Bisnes dan Komunikasi Korporat)
4. **Wan Aminudin Aminin bin Wan Sulaiman** (Pengurus Jabatan Bisnes Amal)
5. **Mohammad Shakib bin Idrus** (Pengurus Jabatan Pentadbiran & Perjawatan)
6. **Siti Radiah binti Abdul Samad** (Pengurus Jabatan Kewangan)
7. **Adleen binti Ahmad** (Pengurus Jabatan Undang-undang)
8. **Muhammad Hizafiq bin Harryzan** (Setiausaha Syarikat)




***Mesyuarat Anggota Pekerja 2017***
*Bertempat di Hotel Sentral, pada 11 Januari 2017, Mesyuarat Anggota Pekerja (MAP) telah diadakan melibatkan seluruh anggota pekerja syarikat Kumpulan PIJ Holdings bersama Pengarah Urusan di samping memberi penghargaan kepada anggota pekerja yang telah berkhidmat dengan cemerlang.*

***Majlis Perpisahan Tn Hj Mahadon***
*Majlis perpisahan Tuan Haji Mahadon telah diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 7 pada 15 Januari 2017. Tuan Haji Mahadon merupakan seorang Pegawai Tadbir Johor yang telah dipinjamkan ke PIJ Holdings sebagai Pengurus Besar.*



**_Latihan Kecemasan Bangunan PIJ Holdings_**

*Sebagai memenuhi keperluan pihak Bomba, satu latihan kecemasan telah diadakan di Bangunan PIJ Holdings pada 11 April 2017.*






**_Program CSR Infak Ramadhan_**

*Sempena bulan Ramadhan, PIJ Holdings telah menyampaikan sumbangan kepada SK Kg. Tg Langsat dan SK Kg. Pasir Putih pada 21 hingga 22 Jun 2017.*



***Mesyuarat Anggota Pekerja 2018***
*Bertempat di Hotel Holiday Villa, pada 10 Januari 2018, Mesyuarat Anggota Pekerja (MAP) telah diadakan melibatkan seluruh anggota pekerja syarikat Kumpulan PIJ Holdings bersama Pengarah Urusan di samping memberi penghargaan kepada anggota pekerja yang telah berkhidmat dengan cemerlang.*

***Program Jom Sihat PIJ Holdings***
*Pada 11 April 2018, Program Jom Sihat telah diadakan di Kompleks Sukan Permas Jaya melibatkan semua anggota pekerja Kumpulan PIJ Holdings. Program ini menggalakkan anggota pekerja mengamalkan gaya hidup sihat.*






***Majlis Doa Selamat PIJ Agarwood***
*Sempena pembukaan pejabat PIJ Agarwood, satu majlis doa selamat telah diadakan di Pusat Pertanian Ayer Hitam, Kluang pada 14 Februari 2019.*

***Sambutan Kemerdekaan ke-61***
*Kumpulan PIJ Holdings telah menghantar wakil ke Sambutan Hari Kebangsaan ke-61 peringkat Negeri Johor yang berlangsung di Dataran Tanjung Emas, Muar, Johor.*





***Kursus Asas Pasukan Keselamatan Kebakaran***
*Sebagai memenuhi keperluan daripada pihak bomba, Kursus Asas Pasukan Keselamatan Kebakaran telah diadakan di Balai Bomba & Penyelamat Johor Bahru pada 23 September, 14 dan 18 Oktober 2018.*

***Sambutan Maulidur Rasul***
*Sempena menyambut Maulidur Rasul SAW, satu majlis diadakan di Bilik Mesyuarat Tingkat 7, Bangunan PIJ Holdings pada 31 Januari 2019. Program ini melibatkan semua anggota pekerja PIJ Holdings.*






***Majlis Aspirasi & Penghargaan (MAP) Kumpulan PIJ Holdings***
*di Hotel Berjaya Waterfront, pada 12 Mac 2019, Majlis Aspirasi dan Penghargaan (MAP) melibatkan seluruh anggota pekerja syarikat Kumpulan PIJ Holdings bersama Pengarah Urusan dan penghargaan kepada anggota pekerja yang telah berkhidmat dengan cemerlang*

***Program Tadarus & Majlis Khatam Al-Quran***
*Tadarus dan Khatam Al-Quran telah diadakan sempena Bulan Ramadhan. Semua anggota pekerja berjaya mengkhatamkan 30 juzuk Al-Quran*





***Majlis Penyerahan Cek Sumbangan Koridor Utiliti (Johor) Sdn. Bhd. kepada Kerajaan Negeri Johor pada 29 Ogos 2019.***
*KUJSB telah menyerahkan sumbangan kepada Kerajaan Negeri Johor sebanyak RM2,000,000. Serahan dibuat semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah PIJ Holdings yang diadakan di Pejabat Menteri Besar Johor*

***Program Infaq Ramadhan 2019***
*Sempena bulan Ramadhan, PIJ Holdings telah menjalankan Program Infaq dengan memberi sumbangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan di Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai, Sekolah Kebangsaan Kangkar Pulai 2, Sekolah Kebangsaan Sungai Kapal dan Sekolah Kebangsaan Teluk Ramunia, Pengerang*



***Lawatan YAB Menteri Besar Johor ke Pejabat PIJ Holdings pada 8 Oktober 2019.***
*Dalam lawatan ringkas tersebut, YAB Menteri Besar telah menyampaikan amanat kepada barisan Pengurusan PIJ Holdings serta mendapatkan maklumat tentang perkembangan terkini Syarikat.*





# PIJ PLANTATION & AGRICULTURE SDN BHD

## LATAR BELAKANG DAN SEJARAH

Ditubuhkan pada 6 Februari 1995, subsidiari milik penuh PIJ Holdings Sdn. Bhd. (PIJH)

PPASB merupakan pemaju perladangan utama bagi Perbadanan Islam Johor (PIJ). PPASB telah mempelbagaikan aktiviti selain dari penanaman sawit seperti penanaman Aloe Vera, usahasama Ladang Getah Terosot & Lada Hitam. Namun perladangan sawit masih menjadi tonggak utama syarikat.

PIJ PLANTATION

**Objektif**
Membangunkan Perladangan & Produk Pertanian di Dalam & di Luar Negeri Johor

**Visi**
Mencapai ke Arah 28:28

**Misi**
Meningkatkan Hasil BTS Kepada 28MT dan Kadar Perahan Sawit 28% Serta Komited Dalam Membangunkan Perniagaan Lestari

## STRUKTUR KORPORAT

**PIJ PLANTATION & AGRICULTURE SDN. BHD**

**SYARIKAT SUBSIDIARI**

**JOHOR PLANT TECH SDN. BHD. (71%)**

**Aktiviti perniagaan:**
Penjualan anak benih sawit, pisang berangan & pisang nipah, tisu kultur & cili fertigasi

**PPA BIO SDN. BHD. (70%)**

**Aktiviti perniagaan:**
Perladangan aloe vera, menjual dan membekal pelepah aloe vera

**PIJ AGARWOOD SDN. BHD. (51%)**

**Aktiviti perniagaan:**
Perladangan gaharu

**SYARIKAT BERSEKUTU**

**JISMIL PLANTATION SDN. BHD. (49%)**

**Aktiviti perniagaan:**
Perladangan kelapa sawit

## BARISAN PENGURUSAN



Pengarah Eksekutif

**HAJI JAMALUDIN BIN HAJI A. HAMID**



Pengurus Kanan (Ladang)

**MOHD SHAH BIN KARDI**



Pengurus

**SHAHFEE BIN ABDUL TALIB**

## PERKHIDMATAN SYARIKAT

**01**

PERTANIAN &
PERLADANGAN











**02**

AGEN
PENGURUSAN



**03**

USAHASAMA



## Aktiviti Perniagaan (milik penuh PIJ Plantation & Agriculture)

### LADANG ZAMRUD

**TAHUN DIBUKA : 1985**

**Lokasi/Alamat :**
Peti Surat No.11, Kahang
86700 Kluang, Johor

**Keluasan Tanah:**
2,625.40 hektar

**KeluasanTanaman:**
2,536.50 hektar

**Umur Pokok:** 2-26 tahun

**Tanaman:** Kelapa Sawit

### LADANG AIR MANIS

**TAHUN DIBUKA : 1999**

**Lokasi/Alamat:**
Kampung Air Manis
Bukit Batu, Kulai, Johor

**Keluasan Tanah:**
20 hektar

**Keluasan Tanaman:**
20 hektar

**Struktur Ladang:**
Kawasan berbukit

**Umur Pokok:** 20 tahun

**Tanaman:** Kelapa Sawit

### LADANG PUNGGAI

**TAHUN DIBUKA : 2008**

**Lokasi/Alamat:**
Mukim Pantai Timur
Pengerang, Kota Tinggi,
Johor

**Keluasan Tanah:**
58.75 hektar

**Keluasan Tanaman:**
58.75 hektar

**Struktur Ladang:**
Kawasan bergambut

**Umur Pokok:** 11 tahun

**Tanaman:** Kelapa Sawit

## Aktiviti Perniagaan (perladangan usahasama)

### LADANG ZAMRUD

**TAHUN DIBUKA : 1985**

**Lokasi/Alamat:**
Kahang, Kluang, Johor

**Keluasan Tanah:**
1,229 Hektar

**Umur Pokok:** 20 tahun

**Nisbah Perkongsian:**
49% : 51%

### LADANG SG. KAPAL

**TAHUN DIBUKA : 2006**

**Lokasi/Alamat:**
Ladang Sungai Kapal,
Pengerang, Johor

**Keluasan Tanah:**
61.07 Hektar

**Umur Pokok:** 13 tahun

**Nisbah Perkongsian:**
30% : 70%

### LADANG LINGGIU

**TAHUN DIBUKA : 2008**

**Lokasi/Alamat:**
Ladang Linggiu, Kota
Tinggi, Johor

**Keluasan Tanah:**
225.50 Hektar

**Umur Pokok:** 11 tahun

**Nisbah Perkongsian:**
30% : 70%

### LADANG ZAMRUD 3

**TAHUN DIBUKA : 2012**

**Lokasi/Alamat:**
Ladang Zamrud 3,
Kahang, Kluang, Johor

**Keluasan Tanah:**
100 Hektar

**Umur Pokok:** 7 tahun

**Nisbah Perkongsian:**
30% : 70%

## Aktiviti Perniagaan (ejen pengurusan perladangan)

### LADANG ALOEVERA

**TAHUN DIBUKA : 2011**

**Nama Ladang:**
Ladang Aloe Vera

**Lokasi/Alamat:**
Kg. Baru, Kota Tinggi, Johor

**Keluasan Tanah:**
20 ekar

**Keluasan Tanaman:**
20 ekar

**Jenis Tanaman:**
Aloe Vera

### LADANG GETAH PPL PLANTATION

**TAHUN DIBUKA : 2012**

**Lokasi/Alamat:**
Sembrong, Kluang, Johor

**Keluasan Tanah:**
5,163 Ekar

### LADANG GETAH BIO IDAMAN

**TAHUN DIBUKA : 2012**

**Lokasi/Alamat:**
Mukim Paloh & Mukim Padang Endau, Mersing, Johor

**Keluasan Tanah:**
719.19 Ekar

### LADANG GETAH KERIS HIJAU

**TAHUN DIBUKA : 2012**

**Lokasi/Alamat:**
Jamaluang & Bukit Lanjut, Mersing, Johor

**Keluasan Tanah:**
444 Ekar

PIJ AGARWOOD

### PENUBUHAN PIJ AGARWOOD SDN. BHD.

**PIJ AGARWOOD SDN BHD**

**Penubuhan:**
1 Oktober 2018

**Lokasi**

Ibu Pejabat:
Bandar Baru Kota Puteri, Johor

Ladang:
Pusat Pertanian Air Hitam, Johor

Keseluruhan Kawasan Ladang:
20 ekar (10 ekar tanaman gaharu)

Operasi syarikat:
Tanaman gaharu serta produk berasaskan gaharu



SYARIKAT USAHASAMA
**PIJ PLANTATION 51% : 49% TREE CAPITAL OUD SDN. BHD.**

# PENGIKTIRAFAN
# PENSIJILAN MINYAK SAWIT MAMPAN MALAYSIA (MSPO)

CARE Certification International

Certificate No.: MYMS5194926

## CERTIFICATE FOR MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO)

**CARE CERTIFICATION INTERNATIONAL (M) SDN BHD**

hereby certifies that

**PIJ PLANTATION & AGRICULTURE SDN BHD**
**LEVEL 2, BANGUNAN PIJ HOLDINGS,**
**NO.8, JALAN BUKIT TIMBALAN,**
**80000, JOHOR BAHRU,**
**JOHOR DARUL TA'ZIM, MALAYSIA.**

has complied with the requirements specified in the

**MS2530-3:2013**
**GENERAL PRINCIPLES FOR OIL PALM PLANTATIONS AND ORGANISED SMALLHOLDERS**

under the MSPO Certification Scheme

**SCOPE: PROVISION OF PLANTING AND HARVESTING OF FRESH FRUIT BUNCH (FFB) BY OIL PALM PLANTATION**

**4025.659 HA OF OIL PALM PLANTATION**

MSPO 28122017 CB 06

MPOCC

STANDARDS MALAYSIA ACCREDITED CERTIFICATION BODY

**VALIDITY PERIOD:**
**This certificate is valid from 07/05/19 to 06/05/24**
**Issue 1: certified since 07/05/2019**

Authorised by:

Fleming Teo
Managing Director

**CARE Certification International (M) Sdn. Bhd.**
No. 3-16, IOI Boulevard, Jalan Kenari 6, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

CARE Certification International

Certificate No. : MYMS5194926

## LIST OF MSPO CERTIFICATION GROUP MEMBERS

| NO | ESTATE | LOCATION OF PLANTED AREA | AREA CERTIFIED (HA) |
|---|---|---|---|
| 1 | LADANG ZAMRUD | KAHANG, KLUANG, MALAYSIA. | 2418.15 |
| 2 | LADANG JISMIL | KAHANG, KLUANG, MALAYSIA. | 1144.00 |
| 3 | LADANG AIR MANIS | SEDENAK, JOHOR, MALAYSIA. | 20.24 |
| 4 | LADANG PUNGGAI | KOTA TINGGI, JOHOR, MALAYSIA. | 65.68 |
| 5 | LADANG ULU SG SEDILI BESAR | KOTA TINGGI, JOHOR, MALAYSIA. | 377.589 |

CARE Certification International (M) Sdn. Bhd.
No. 3-16, IOI Boulevard, Jalan Kenari 6, Bandar Puchong Jaya, 47170 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

# PIJ PROPERTY DEVELOPMENT SDN BHD

## LATAR BELAKANG DAN SEJARAH

PPDSB merupakan agen pembangunan hartanah milik PIJ Holdings Sdn. Bhd. yang merupakan syarikat induk milik penuh Perbadanan Islam Johor.

PIJ PROPERTY

PPDSB telah berada selangkah di hadapan melalui pembangunan kawasan kediaman dan komersil yang memberikan penekanan terhadap pembangunan Perumahan Mampu Milik Johor yang berstrata dan bertanah bagi memenuhi aspirasi dan matlamat Kerajaan Johor.

Sehingga kini PPDSB berjaya membina sebanyak 525 unit rumah kediaman dengan nilai pembangunan sebanyak RM103 juta. Pembangunan ini meliputi TPI Datin Halimah, TPI Larkin dan TPI Stulang Baru, Johor Bahru.

Melalui sokongan daripada Kerajaan Negeri serta pasukan pengurusan yang berpengalaman serta kakitangan yang berdedikasi dan komited, PPDSB sentiasa melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan oleh Kerajaan Negeri dengan sebaik-baiknya dalam memenuhi keperluan untuk membina Negeri Johor yang lebih baik.

**Visi**

*PPDSB Sentiasa Bersedia Memberikan Perkhidmatan Terbaik Melalui Penyediaan Produk Dan Servis Bertaraf Antarabangsa Yang Boleh Meningkatkan Kualiti Hidup.*

**Misi**

*PPDSB Sentiasa Komited Untuk Menjadi Syarikat Yang Berinovatif Dan Diiktiraf Dari Segi Kualiti, Pertumbuhan Dan Menguntungkan.*

**1985 - 2012**
Pembangunan 89 unit Sekolah Agama di sekitar Negeri Johor

**1997 - 2000**
Pembangunan Kompleks PIJ Holdings

**1998 - 1999**
Pembangunan Kilang di Bandar Tenggara

**1999 - 2008**
Pembangunan Perumahan bagi Pengurus dan kakitangan di Ladang Zamrud (11 Unit)

**2000 - 2013**
Pembangunan Kuaters di Bukit Chagar, Johor (200 Unit)

**2004 - 2010**
Pembangunan Bercampur di Segamat dan Muar (400 Unit)

**2011 - 2013**
Pembangunan Kedai Pejabat di Kluang dan Segamat (29 Unit)

**2014 - 2019**
Pembangunan Taman Perbadanan Islam (TPI) Datin Halimah, TPI Larkin dan TPI Stulang Baru (525 Unit)

**2014-2020**
Pembangunan Pangsapuri Perkhidmatan Aliff Sejahtera (72 Unit)

# RINGKASAN PROJEK PEMBANGUNAN PIJ PROPERTY DEVELOPMENT SDN BHD

## Projek Baru

| Bil. | Projek | Luas Tanah (Ekar) | RMBJ A | RMBJ B | RMBJ C | RMBJ D | TERES | APART MENT | KEDAI | TEMPOH PROJEK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | TPI Pontian | 36.12 | 41 | 62 | 54 | | 240 | | 6 | 2021-2025 |
| 2 | TPI Rengit, Batu Pahat | 7.36 | | 18 | 24 | 36 | | | 10 | 2021-2025 |
| 3 | TPI Bakar Batu | 4.46 | | | | | | 860 | | 2021-2025 |
| 4 | Kedai Pejabat, Kluang | 2.00 | | | | | | | 14 | 2021-2024 |
| 5 | Kedai Pejabat Rengit, Batu Pahat | 1.46 | | | | | | | 16 | 2021-2024 |
| | JUMLAH KESELURUHAN UNIT | | 41 | 80 | 78 | 36 | 240 | 860 | 46 | |

## Projek Kendalian Sendiri

| Bil. | Projek | Luas Tanah (Ekar) | RMBJ A | RMBJ B | RMBJ C | RMBJ D | TERES | APART MENT | KEDAI | TEMPOH PROJEK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | TPI Stulang Baru | 8.78 | 126 | 99 | 108 | | | | | Siap 2019 |
| 2 | TPI Datin Halimah | 2.13 | | | 71 | | | | 7 | Siap 2019 |
| 3 | Alif Sejahtera, Tampoi | 1.70 | | | | | | 72 | 19 | 2014-2020 |
| | JUMLAH KESELURUHAN UNIT | | 126 | 99 | 179 | | | 72 | 26 | |

## Projek Usahasama & Hak Pembangunan

| Bil. | Projek | Luas Tanah (Ekar) | RMBJ A | RMBJ B | RMBJ C | RMBJ D | TERES | APART MENT | KEDAI | TEMPOH PROJEK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | TPI Larkin | 14.27 | | | 121 | | | 538 | 10 | Siap 2019 |
| 2 | TPI Telok Permata | 49.00 | | | 105 | | 63 | 4,100 | 26 | 2020-2024 |
| 3 | TPI Maharani, Muar | 69.00 | 136 | 202 | 142 | | | 690 | 374 | 2020-2025 |
| | JUMLAH KESELURUHAN UNIT | | 136 | 202 | 368 | | 63 | 4,707 | 410 | |

***TPI Datin Halimah***
*Dibangunkan di Jalan Datin Halimah, Johor Bahru. Komponen pembangunan terdiri daripada 71 unit kediaman bertingkat jenis RMMJ, 7 unit lot kedai, dewan, surau dan taman permainan. Pembangunan bermula dari tahun 2016 dan siap sepenuhnya pada tahun 2018*







***Pangsapuri Aliff Sejahtera***
*Dibangunkan di Jalan Tampoi, Johor Bahru. Berhadapan Taman Seri Bahagia, Tampoi. Komponen terdiri daripada 72 unit kediaman bertingkat, 8 unit kedai pejabat, dan dewan komuniti.*





Rumah Mampu Biaya C (RMB C)

**_TPI Larkin_**

*Dibangunkan berhampiran Kolej Vokasional ERT Azizah dan SJK(C) Foon Yew 4. Komponen terdiri daripada 121 unit kediaman bertingkat jenis RMMJ, 10 unit kedai, surau dan dewan komuniti.*




Kedai Pejabat



Surau



Dewan

***TPI Stulang Baru***
*Lokasi di Jalan Stulang Baru / Jalan Tapah berhadapan Kampung Melayu Majidee. Komponen terdiri daripada 1 blok Rumah Mampu Biaya Jenis A sebanyak 126 unit, 1 Rumah Mampu Biaya Jenis B, 99 unit, 1 Rumah Mampu Biaya Jenis C, 108 unit, bangunan inkubator dan surau.*



**Rumah Mampu Biaya C (RMB C)**




**Rumah Mampu Biaya B (RMB B)**



**Rumah Mampu Biaya A (RMB A)**



**Inkubator Usahawan**



**Surau**

# PIJ MANUFACTURING SDN BHD

## LATAR BELAKANG DAN SEJARAH

### Misi

- Meningkatkan pertumbuhan keuntungan dan kecekapan perniagaan melalui teknologi dan inovasi.
- Memperkasa perniagaan sedia ada serta menggalakkan pengembangan bisnes dengan menambah rangkaian produk dan perkhidmatan baharu.
- Menetapkan piawaian tertinggi dalam pengeluaran, perkhidmatan, kebolehpercayaan, keselamatan dan kawalan kos dalam perniagaan

### Visi

Menjadi sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang bertaraf antarabangsa dalam industri perkilangan dan pengeluaran

PIJ MANUFACTURING

Mengikut Rang Undang-Undang Enakmen PIJ (pindaan) 2004 yang telah diwartakan pada 22 April 2004 dan dibentangkan di dalam Persidangan Dewan Undangan Negeri Johor pada 21 Mei 2004 nama Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor telah ditukar kepada Perbadanan Islam Johor.

### Objektif

- Menjalankan aktiviti perkilangan secara persendirian serta usahasama bagi tujuan pemindahan modal dan teknologi
- Menggalakkan pertumbuhan industri huluan dan hiliran yang memberi peluang perkerjaan dan perniagaan kepada Perusahaan Kecil & Sederhana (PKS), khususnya bumiputera Islam

# PROGRAM/ AKTIVITI PEMBANGUNAN DAN KEMAJUAN PERNIAGAAN BAGI TAHUN 2018 & 2019

***Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) MITEC, KL***
*(4 - 7 April 2018)*











***MUSLIM World Singapore Singapore Exhibition Hall***
*(12-15 April 2018)*

***Hospital Gleanegles, Medini Johor Bahru***
*(25 Ogos 2018)*











***Halal Fiesta (HALFEST) The Mines, Selangor***
*(26-30 September 2018)*

***Hospital KPJ Puteri Specialist***
*(13 Oktober 2018)*









***Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism (MAHA) MAEPS, Serdang***
*(22 Nov- 2 Dis 2018)*




***Capital City, JB***
*(20 Januari 2019)*

***Plaza Sentosa, JB***
*(17 Februari 2019)*













***Aeon***
***Taman Universiti, JB***
*(2 Februari 2019)*

***BioUsahawan 2019***
***KLCC, KL***
*(15-16 Mac 2019)*








***Sutera Mall, JB***
*(17 Mac 2019)*

***Festival Islam & Halal Antarabangsa Johor (FIJO) Persada, JB***
*(28-31 Mac 2019)*










***Taklimat Bina Jenama Sendiri (OEM Produk Halal)***
***Dewan IKLAS, JB***
*(30 Mac 2019)*







***Program Viralkan Biz***
***Dewan Pekerti, Negeri Sembilan***
*(31 Mac 2019)*

# KORIDOR UTILITI (JOHOR) SDN BHD

## LATAR BELAKANG DAN SEJARAH

**KUJSB** telah ditubuhkan pada 16 Januari 2014. KUJSB adalah sebuah syarikat milik penuh PIJ Holdings Sdn. Bhd. (45183-T) iaitu syarikat milik penuh Perbadanan Islam Johor yang merupakan salah satu agensi Kerajaan Negeri Johor. KUJSB telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor sebagai Penyelaras Utiliti Tunggal Negeri Johor yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2017. KUJSB telah menandatangani Perjanjian Lantikan pada 19 Mac 2019 untuk tempoh 15 tahun dengan pilihan lanjutan tempoh 15 tahun berikutnya.

KORIDOR UTILITI JOHOR

AGENSI SEHENTI PENGURUSAN KORIDOR INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI JOHOR

**Penyelaras Perancangan Pembangungan Pepasangan Infrastruktur Utiliti di dalam Negeri Johor. Memastikan semua perancangan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Johor di dalam Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti dan Penggalian Jalan, Arahan Teknik Jalan dan Garis Panduan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan.**

KUJSB ditubuhkan khas bagi menguruskan Agensi Sehenti (OSA) ini yang bertindak sebagai Penyelaras Perancangan Pembangungan Pepasangan Infrastruktur Utiliti Didalam Negeri Johor. Memastikan semua perancangan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Johor di dalam Garis Panduan Laluan Kemudahan Utiliti dan Penggalian Jalan, Arahan Teknik Jalan dan Garis Panduan yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. KUJSB juga bertanggungjawab bagi membangunkan dan menguruskan Pangkalan Data Utiliti (PADU) Negeri Johor. Semua Maklumat perancangan dan maklumat keberadaan utiliti semasa dan siap bina ini akan di intigerasikan ke dalam PADU Johor seterusnya menjadi sumber rujukan utama untuk perancangan dan pembangunan infrastruktur utiliti pada masa akan datang.

## OBJEKTIF

- Melaksanakan Dasar Tanpa Korekan (*No Digging Policy*) Disebahagian Laluan-laluan Utama.
- Menjadi Agensi Pusat Sehenti Pengurusan Koridor Utiliti Bagi Negeri Johor (Pertama Di Malaysia) Yang Dinamik.
- Menjadi Agensi Penyelaras Perancangan Pembangunan Infrastruktur Utiliti Yang Mesra Dan Efektif.
- Membantu Kerajaan Negeri Menyediakan Polisi Dan Dasar Untuk Pembangunan Infrastruktur Utiliti Johor Yang Lebih Terancang.
- Mewujudkan Satu Enakmen Khas Untuk Koridor Utiliti Johor Bagi Menggantikan Garis Panduan Sedia Ada.
- Memastikan Penyedia Utiliti, Pemaju Dan Konsultan Mematuhi Garis Panduan Yang Ditetapkan.
- Menjadi Pusat Rujukan Dan Pangkalan Data Infrastruktur Negeri Johor.
- Mewujudkan Rakan Strategik/Penyahluaran Tugasan Dan Peranan Serta Yang Berkaitan.
- Merangka, Mewujudkan, Melatih Dan Melantik Usahawan Tempatan Melalui Program Pembangunan Usahawan Bagi Membudayakan Amalan Penyediaan Infrastruktur Utiliti Yang Cekap, Berintegriti, Dan Berdaya Maju.

## VISI

**"Transfomasi Pengurusan Perancangan dan Pelaksanaan Pembangunan Kemudahan Infrastruktur Utiliti yang Dinamik dan Lestari"**

## WAWASAN KORPORAT - MISI

1. Mewujudkan **Pangkalan Data Utiliti** Yang Menjadi Pusat Rujukan Perancangan Pembangunan Unggul, Mantap, Komprehensif, Efisen Dan Berdaya Maju;
2. Memiliki **Sistem Pengurusan Atas Talian** Yang Moden Serta Mesra Pengguna Untuk Memudahkan Pendaftaran Dan Semakan Status Permohonan;
3. Menerapkan **Amalan Pengurusan** Pelaksanaan Mengikut Garis Panduan Yang Telah Ditetapkan;
4. **Merancang, Membangunkan Dan Menguruskan** Pembinaan Duktus Komunikasi Gunasama Bersama Rakan Niaga Yang Mempunyai Kepakaran Dan Teknologi;
5. Menjadikan KUJ Sebagai *Platform* **Penglibatan Kontraktor Tempatan** Dalam Industri;
6. Memastikan **Kesejahteraan** Pengguna Awam;
7. **Membantu Kerajaan** Dan
8. **Syarikat** Dalam Mencapai Visi Dan Misinya.

# KORIDOR UTILITI JOHOR

AGENSI SEHENTI PENGURUSAN KORIDOR INFRASTRUKTUR UTILITI NEGERI JOHOR

### PADU

Mengadaptasi teknologi, sistem GIS pengumpulan data sedia ada, integrasi maklumat utiliti Bersama JUPEM, GeoJohor, Data Penyedia Utiliti. Pelan asas perancangan pemajuan, pembangunan Industri dan hartanah, Rancangan Tempatan Daerah, Rancangan Khas Kawasan dan berkaitan.

### PENGURUSAN OSA

Pusat rujukan setempat, mesra pelanggan, inovatif, cekap dan berintegriti. Memastikan piawaian dipatuhi. Memperkemas prosedur permohonan, proses dan jalinan kerjasama bersama pihak berkuasa melalui bengkel teknikal khas, JK Teknikal dan yang berkaitan.

### KORIDOR UTILITI

Mewujudkan koridor melalui perancangan pembangunan baharu, susunatur kemudahan utiliti yang terancang, kemudahan akses, kadar yuran laluan yang berpatutan adil dan saksama, serta merancang penambahbaikan di laluan sedia ada.

### INFRASTRUKTUR GUNASAMA

Mengenalpasti keperluan semasa dan akan datang. Merancang dalam mewujudkan kemudahan, bekerjasama dengan pemaju hartanah, syarikat usahasama dan penyedia utiliti. Mengkaji dan menyediakan Prosedur Operasi dan Pengurusan.

### PEMBANGUNAN BANDAR PINTAR

Integrasi maklumat perancangan pembangunan hartanah, bekerjasama dalam merancang keperluan kemudahan bersama kerajaan negeri, agensi perancang, juru runding hartanah, pemaju, syarikat utiliti tempatan mahupun pelabur luar negara.

### PEMBANGUNAN USAHAWAN

Menyediakan peluang penglibatan usahawan tempatan, Sistem Pengurusan Vendor yang cekap dan efektif, mengenalpasti keperluan program termasuk prosedur pengurusan dan pemantauan pelaksanaan serta program latihan dan pembangunan modal insan.

## Komitmen KUJSB

**KUJSB** bertanggungjawab kepada Kerajaan Negeri Johor bagi memastikan industri infrastruktur utiliti diselaraskan dengan efisien dan sistematik di samping menjalinkan hubungan diplomatik di antara agensi-agensi Kerajaan seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Perancang Bandar dan Desa Johor, Pengurusan Aset Air Berhad, Jabatan Pengairan dan Saliran serta agensi-agensi swasta yang berkaitan.

## Pelanggan

Pihak yang akan berurusan dengan KUJSB adalah terdiri daripada penyedia utiliti seperti syarikat-syarikat telekomunikasi, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Syarikat Air Johor (SAJ), GAS Malaysia Berhad, kontraktor, pemaju perumahan atau konsultan dan juga pihak – pihak lain yang berpotensi untuk pembangunan infrastruktur utiliti.

# INSIST AMILAT SDN BHD

## LATAR BELAKANG

Merupakan Anak syarikat milik penuh Perbadanan Islam Johor. Insist Amilat Sdn Bhd (IASB) telah ditubuhkan pada 15 Ogos 1997 dengan modal berbayar sebanyak RM250,000.00 dan modal dibenarkan sebanyak RM500,000.00.

Insist Amilat Sdn Bhd juga mempunyai syarikat sekutu iaitu ICMC Healthcare Sdn. Bhd. yang menjalankan Perkhidmatan Dialisis dengan pegangan syer Insist Amilat Sdn Bhd sebanyak 49% dan HSZ Medical Resources Sdn. Bhd. sebanyak 51%.

443292 D
INSIST AMILAT SDN BHD

### Visi

Membangun Sebagai Agensi Korporat Utama Dalam Perkhidmatan Takaful Am, Amil Zakat Dan Penyelenggaraan Dialisis Swasta Di Negeri Johor Serta Menjadi Penyumbang Utama Kearah Kecemerlangan PIJ

### Misi

- Membangun Dengan Kukuh, Berkualiti, Berintegriti Selaras Dengan Masa Hadapan Syarikat
- Pengukuhan Modal Insan Anggota Kerja Yang Berwibawa
- Pulangan Yang Berterusan Dan Stabil Dengan Perancangan Yang Efisien.
- Menyediakan Produk Serta Perkhidmatan Yang Berkualiti

### Objektif

- Membantu Perbadanan Islam Johor Menegakkan Muamalah Islam Menerusi Aktiviti Perniagaan Yang Berteraskan Syariat
- Menambahkan Punca Kewangan Alternatif Untuk Perbadanan Islam Johor Bagi Meluaskan Aktiviti Kebajikan Dan Amal Jariah
- Melaksanakan Agenda Islam Yang Boleh Menjana Pendapatan Untuk Membiayai Ekonomi Islam Secara Keseluruhan
- Mengadakan Kerjasama Dengan Semua Peringkat Institusi Kerajaan Dan Korporat Bagi Meningkatkan Penyertaan Terhadap Produk Islam Yang Berlandaskan Syariah
- Mendedahkan Masyarakat Islam Mengenai Kaedah Membangunkan Ekonomi Dan Membimbing Mereka Ke Arah Tersebut
- Melaksana Ekonomi Berteraskan Islam Agar Mereka Tidak Terus Terpinggir Di Tanahair Sendiri
- Mewujud Dan Memperluaskan Peluang Perniagaan & Ekonomi Kepada Masyarakat Islam

*"Beramal jariah kehidupan barakah"*

# STRUKTUR ORGANISASI INSIST AMILAT SDN. BHD.






1

## Agensi Korporat Takaful

Insist Amilat merupakan Agensi Korporat Takaful bagi 3 syarikat Takaful

1. Takaful Ikhlas General Berhad
2. Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad
3. Zurich General Takaful Malaysia Berhad

Melalui pekeliling Am Tahun 2000, Insist Amilat Sdn. Bhd. telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Johor untuk menguruskan perlindungan takaful bagi semua aset dan juga kepentingan kerajaan.




2

## Amil Zakat Korporat

Insist Amilat Sdn. Bhd. telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri Johor sebagai Amil Korporat yang menjalankan kutipan zakat harta bagi pihak MAINJ.



## 3 Penyedia Perkhidmatan Rawatan Hemodialisis

Pada masa ini syarikat mempunyai 2 pusat dialisis yang beroperasi di Pusat Bandar Baru Ayer Hitam dan Pusat Dialisis di Taman Rinting, Masai, Johor.

Pusat Dialisis Perbadanan Islam Johor (PDPIJ) Bandar Baru Ayer Hitam beralamat di No 17 & 19, Jalan Bandar Baru 8, Pusat Bandar Baru Ayer Hitam, 86100, Ayer Hitam. (2 Unit Premis Kedai)

PDPIJ Ayer Hitam telah mula beroperasi pada 1 Mac 2018. Operasi Rawatan di jalankan dalam 2 Syif dengan 12 buah mesin dengan jumlah pesakit seramai 45 orang. Pusat ini juga sedang dalam permohonan berperasi dengan tambahan 6 mesin lagi bagi menjadikan 18 buah mesin pada satu masa.







Pusat Dialisis Perbadanan Islam Johor Taman Rinting, beralamat di No 41, Jalan Sena 1, Taman Rinting, 81750, Masai, Johor.

Pusat ini telah mula beroperasi menjalankan rawatan Hemodialisis pada 1/03/2019 dengan 12 mesin dan mempunyai 6 orang kakitangan operasi.

Operasi Rawatan di jalankan dalam 3 Syif dan Jumlah Pesakit seramai 52 orang.

### Syarikat Bersekutu Perkhidmatan Hemodialisis

ICMC Healthcare Sdn. Bhd. telah ditubuhkan pada 21 Okt 2003 dan mula beroperasi pada tahun 2004.

Modal berbayar RM 127,400.00. Pegangan syer Insist Amilat Sdn Bhd sebanyak 49% dan HSZ Medical Resources Sdn Bhd sebanyak 51%.



## 4

**Pelaksanaan Skim Khairat Kematian**

Program Skim Khairat Darurraudah adalah dibangunkan dengan kerjasama antara Insist Amilat Sdn Bhd dan Bumijez Sdn Bhd iaitu sebuah syarikat yang menyediakan pengurusan jenazah berlandaskan prinsip-prinsip syariah di seluruh Malaysia .

Skim ini tidak mengganggu / menggantikan 100% peranan badan khairat tempatan tetapi memperkasa dan membantu dari segi tambahan manfaat, bayaran kos, tenaga kerja dan peralatan (jika diperlukan).



1



### Perasmian Pusat Dialisis PIJ Cawangan Ayer Hitam

Pusat Dialisis PIJ Cawangan Bandar Baru Ayer Hitam telah mula beroperasi pada 1 Mac 2018. Pusat ini mempunyai 6 mesin dengan kakitangan seramai 4 orang.

Pada 16 April 2018, Pusat Dialisis PIJ Cawangan Ayer Hitam telah dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Johor dalam satu majlis rasmi yang diadakan di Pusat Dialisis tersebut.








## 2

### Pelancaran Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor (TWENJ)

Pada 5 Ogos 2018, Majlis Pelancaran Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor (TWENJ) telah diadakan bertempat di Dataran Taman Perdagangan, Parit Yaani, Batu Pahat, Johor yang telah disempurnakan oleh YAB Menteri Besar Johor, Dato' Haji Osman Bin Haji Sapian.

**Lebih 8,000 keluarga di Negeri Johor sudah mendaftar Skim Takaful Warga Emas Negeri Johor (TWENJ)**






1

## Penyerahan 6 Mesin Hemodialisis daripada Tabung Waqaf Rakyat Johor (TWRJ)

Pada 27 Januari 2019, telah diadakan satu majlis penyerahan 12 buah mesin hemodialisis yang disumbangkan oleh Tabung Waqaf Rakyat Johor. Sumbangan ini disampaikan oleh Pengurus Besar Perbadanan Islam Johor iaitu Tuan Haji Abd Rashid Bin A Rahman.

Majlis diadakan di Pusat Dialisis PIJ Taman Rinting yang juga sebagai perasmian pembukaan pusat dialisis tersebut.

6 buah mesin hemodialisis ditempatkan di Pusat Dialisis Ayer Hitam dan 6 lagi mesin ditempatkan di Pusat Dialisis Taman Rinting.








*Sekitar Majlis Perasmian pembukaan Pusat Dialisis Taman Rinting, Pasir Gudang.*

*12 buah Mesin Hemodialisis disumbangkan oleh Tabung Waqaf Rakyat Johor.*

## 2

**Penerimaan Anugerah Agensi Korporat Takaful**

Sebagai sebuah Agensi Korporat Takaful, Insist Amilat Sdn. Bhd. telah dipilih untuk menerima 2 anugerah "***Million Ringgit Agensi Takaful Am Kategori Platinum***" dan Anugerah "***Top Corporate Business Contributor***".

Anugerah diterima pada 7 September 2019 dalam sebuah majlis gemilang yang diadakan di Hotel Movenpick, KLIA.












***"Ibarat hubungan dan perasaan orang-orang beriman sesama mereka adalah seperti jasad, apabila salah satu daripadanya ditimpa kesusahan, maka seluruh anggota yang lain juga akan merasainya".***

(Diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Imam Muslim)

Amalan menyumbang dan kebajikan memberikan peluang kepada masyarakat untuk mendapat manfaat dalam dua bentuk keuntungan. **Pertama**, keuntungan daripada segi kewangan menerusi sumbangan (takaful) itu sendiri. **Kedua** "manfaat" daripada segi rohaniah di mana ianya dapat memenuhi tanggungjawab yang disyariatkan oleh Agama dan tuntutan sosial melalui kaedah *Tabarru'*.



# ICMC HEALTHCARE SDN BHD

## LATAR BELAKANG

Dalam mengejar kemajuan secara globalisasi terkadang kita terlupa tanggungjawab sosial terhadap masyarakat terutama dalam tuntutan fardhu kifayah. Saban hari terdapat pesakit yang memerlukan bantuan serta rawatan terutama bagi golongan pesakit Islam yang kurang berkemampuan. Pesakit Buah Pinggang (Haemodialisis) tidak terkecuali dan bilangannya semakin meningkat setiap tahun.

Perbadanan Islam Johor mengambil inisiatif menubuhkan ICMC Healthcare Sdn. Bhd. (ICMC) menerusi anak syarikat milik penuh Insist Amilat Sdn. Bhd. (IASB) dengan usahasama syarikat HSZ Medical Resources Sdn. Bhd. Untuk menjalankan dan melaksanakan tanggungjawab tersebut.

Fungsi utama adalah untuk memberi rawatan haemodialisis serta bantuan kepada pesakit-pesakit yang kurang berkemampuan dari segi bantuan kewangan, perubatan dan kaunseling. Buat permulaan, rawatan dan bantuan tersebut diberikan khusus kepada pesakit buah pinggang.

**Pengenalan**

ICMC Healthcare Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 2 Oktober 2003, dan mula beroperasi sepenuhnya pada pertengahan tahun 2004 dengan memberi tumpuan perkhidmatan kepada pesakit buah pinggang. Tujuan penubuhan adalah untuk memberi rawatan, kemudahan kesihatan kepada masyarakat khususnya golongan fakir miskin yang kurang berkemampuan serta berpendapatan rendah bagi membiayai kos rawatan yang tinggi. ICMC menyediakan perkhidmatan rawatan dialisis. Pengangkutan (pergi dan balik) untuk pesakit yang memerlukan juga disediakan.

ICMC telah berusaha untuk mengembangkan perkhidmatan dengan membuka pusat rawatan dialisis di hampir setiap daerah di Negeri Johor.

Pada masa ini, ICMC mempunyai 5 pusat rawatan, dengan jumlah pesakit seramai 233 orang dan seramai 51 orang staf serta 4 orang pegawai perubatan.

### ICMC Healthcare Sdn. Bhd.

**Visi**

Kebajikan Pesakit Keutamaan Kami

**Misi**

Melaksanakan Tuntutan Fardhu Kifayah Dengan Menitikberatkan Pesakit Islam Khususnya Dan Masyarakat Majmuk Amnya Untuk Memenuhi Keperluan Pesakit Melalui Amalan-amalan Kualiti Dan Program Penambahbaikan Yang Berterusan Selaras Dengan Sistem Perubatan Islam

**Objektif**

- Sebagai Lambang Penyatuan Dan Kerjasama Di Antara Perbadanan Islam Johor (PIJ) Dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) Dalam Memenuhi Tuntutan Fardhu Kifayah
- Membantu Dan Memberikan Kerjasama Dalam Pengurusan Bantuan Untuk Pesakit (Buah Pinggang Beragama Islam) Supaya Dapat Menyalurkan Bantuan Tersebut Kepada Pesakit Yang Menerima Rawatan Dialisis Di ICMC Dengan Lebih Efisien



“

Secara asasnya, zakat hendaklah diberikan kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran melalui firmanNya:

**Mafhumnya:** *Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Taubah: 60)

Lapan golongan asnaf yang telah disebutkan di dalam ayat di atas sahaja yang layak mendapat bantuan zakat. Oleh itu, jika sekiranya **pesakit tersebut dalam kalangan fakir dan miskin yang tidak mampu untuk menampung kos rawatan, maka diharuskan baginya untuk menerima bantuan zakat**. Hal ini seperti dijelaskan di dalam fatwa al-Kalim al-Tayyib oleh Syeikh Ali Jum’ah hafizahullah taala:

**Mafhumnya:** *Mereka yang perlu menjalani rawatan dialisis, jika sekiranya mereka tidak mampu untuk menanggung perbelanjaan rawatan tersebut, maka mereka termasuk dalam dua asnaf ini iaitu fakir dan miskin. Oleh kerana itu, harus hukumnya untuk memberikan harta zakat kepada pesakit buah pinggang atau pesakit-pesakit lain dengan syarat mereka tidak mampu sebagai asnaf fakir dan miskin.*

(Rujuk al-Kalim al-Tayyib Fatawa ‘Asriyyah, 2:125)



*Majlis ziarah dan penyampaian sumbangan pesakit oleh Mantan Mufti Johor, Dato' Haji Mohd. Tahrir Bin Dato' Haji Samsudin*



*Sambutan Hari Pesakit di Dewan Glulam, Tampoi, Johor Bahru*

## KAKITANGAN KOTA TINGGI



# KAKITANGAN PONTIAN, SEGAMAT DAN MERSING








## KAKITANGAN JOHOR BAHRU



PERBADANAN ISLAM JOHOR

(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

# LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN

**31 Disember 2018**

Disediakan oleh Bahagian Kewangan PIJ

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA**
**MENGENAI PENYATA KEWANGAN**
**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## Laporan Mengenai Penyata Kewangan

### Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan Pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 34.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor 1976 (Pindaan 1993).

### Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

### Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

**Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya**

Lembaga Pengarah Perbadanan Islam Johor bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

**Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan**

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor 1976 (Pindaan 1993). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

**Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan**

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian yang ketara berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Islam Johor atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.

f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

**Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain**

Berdasarkan keperluan Enakmen Perbadanan Kemajuan Ekonomi Islam Negeri Johor 1976 (Pindaan 1993), saya juga melaporkan perkara berikut:

a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Enakmen untuk disimpan oleh Perbadanan Islam Johor dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Enakmen.

b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 8 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.

c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Perbadanan Islam Johor dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.

d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

**Hal-hal Lain**

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

**(MOHD SERJANA BIN IBRAHIM)**
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

JOHOR BAHRU
23 OKTOBER 2019

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

**LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2018**

| KANDUNGAN | MUKA SURAT |
|---|---|
| Kenyataan oleh Pengarah-Pengarah | 1 |
| Akuan Berkanun | 2 |
| Penyata Kedudukan Kewangan | 3 |
| Penyata Perubahan Ekuiti | 4 - 5 |
| Penyata Pendapatan Komprehensif | 6 |
| Penyata Aliran Tunai | 7 - 8 |
| Nota-nota kepada Penyata Kewangan | 9 - 34 |

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

## KENYATAAN OLEH PENGARAH-PENGARAH

Pada pendapat para pengarah, Penyata Kewangan yang dibentangkan di muka surat 3 hingga 34 telah disediakan menurut piawaian perakaunan yang diluluskan untuk memberi gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan Kumpulan dan Perbadanan pada 31 Disember 2018 dan keputusan Kumpulan dan Perbadanan serta pengaliran tunai Kumpulan dan Perbadanan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

**Bagi pihak Lembaga Pengarah,**

.............................................................

**Y.A.B. DATO' DR. SAHRUDDIN BIN JAMAL**
***Pengarah***

.............................................................

**Y.B. TUAN HAJI TOSRIN BIN JARVANTHI**
***Pengarah***

**Johor Bahru**

**Tarikh:** 22 JUL 2019

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

## AKUAN BERKANUN

Saya **HAJI ABDUL RASHID BIN A. RAHMAN** (No. K.P. 601102-01-5857) pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan Perbadanan Islam Johor dan Kumpulan, dengan ikhlas berikrar bahawa Penyata Kewangan yang tertera di muka surat 3 hingga 34, sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya adalah betul dan saya membuat ikrar yang bersungguh-sungguh ini dengan benar-benar mempercayai ianya benar, dan adalah menurut kuasa yang diperuntukkan oleh Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui sesungguhnya oleh **HAJI ABDUL RASHID BIN A. RAHMAN**, nama yang tersebut di atas di Johor Bahru di dalam Negeri Johor Darul Takzim pada 22 JUL 2019

**HAJI ABDUL RASHID BIN A. RAHMAN**

Di hadapan saya:

PESURUHJAYA SUMPAH
J 079
MEJAR (B) NOORZRIN
MOHD NOOR
01/01/2019 - 31/12/2021
MALAYSIA

No. 23A, Bangunan Kerjasama
Jalan Dhoby
80000 Johor Bahru, Johor

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**

| | Nota | Kumpulan 2018 RM | Kumpulan 2017 RM (seperti dinyatakan semula) | Perbadanan 2018 RM | Perbadanan 2017 RM (seperti dinyatakan semula) |
|---|---|---|---|---|---|
| **ASET BUKAN SEMASA** | | | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 52,359,542 | 45,711,401 | 4,990,895 | 5,444,802 |
| Hartanah Pelaburan - pada kos | 5 | 7,078,940 | 7,426,888 | 6,882,939 | 7,426,888 |
| Aset Biologikal | 6 | 37,880,649 | 37,794,138 | - | - |
| Harta dan Perbelanjaan Pembangunan | 7 | 80,532,301 | 51,673,068 | - | - |
| Syarikat Subsidiari | 8 | - | - | 73,250,000 | 73,250,000 |
| Syarikat Bersekutu | 9 | 66,971,563 | 27,601,128 | - | - |
| Pelaburan Lain | 10 | 10,498,677 | 9,473,101 | 10,490,177 | 9,453,851 |
| Muhibah Atas Penggabungan | 11 | 1,799,573 | 2,681,613 | - | - |
| Aset Tidak Ketara | 12 | 28,683 | 49,909 | - | - |
| Penghutang Perniagaan Jangka Panjang | 13 | 1,300,000 | 1,300,000 | - | - |
| Aset Cukai Tertunda | 14 | 308,900 | 308,900 | - | - |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa** | | 258,758,828 | 184,020,146 | 95,614,011 | 95,575,541 |
| **ASET SEMASA** | | | | | |
| Inventori | 15 | 4,144,941 | 4,933,656 | - | - |
| Penghutang Perniagaan | 16 | 20,935,604 | 30,675,071 | 119,359 | 208,466 |
| Pelbagai Penghutang | 17 | 15,794,292 | 20,967,696 | 5,106,347 | 2,640,133 |
| Cukai Akan Dikembalikan | | 10,630,236 | 8,547,891 | 2,435,412 | 2,190,412 |
| Pelaburan Mudharabah/Simpanan Tetap | 18 | 72,786,879 | 99,157,216 | 6,460,621 | 7,914,621 |
| Wang Tunai dan Baki di Bank | 19 | 24,982,376 | 28,927,776 | 1,960,279 | 2,968,245 |
| **Jumlah Aset Semasa** | | 149,274,328 | 193,209,306 | 16,082,018 | 15,921,877 |
| **JUMLAH ASET** | | **408,033,156** | **377,229,452** | **111,696,029** | **111,497,418** |
| **KEUNTUNGAN DAN RIZAB** | | | | | |
| Rizab Penilaian Semula | 20 | 26,129,074 | 26,129,074 | - | - |
| Keuntungan Terkumpul | | 269,699,465 | 220,960,440 | 106,655,360 | 105,576,429 |
| | | 295,828,539 | 247,089,514 | 106,655,360 | 105,576,429 |
| Kepentingan Bukan Kawalan | | 121,999 | 246,935 | - | - |
| **JUMLAH EKUITI** | | 295,950,538 | 247,336,449 | 106,655,360 | 105,576,429 |
| **TANGGUNGAN JANGKA PANJANG** | | | | | |
| Pemiutang Sewa Beli | 21 | 213,359 | 333,603 | - | - |
| Pinjaman Jangka Panjang | 22 | 52,531,181 | 60,815,694 | 729,416 | 917,491 |
| Pendapatan Tertunda | 23 | 4,300,838 | 4,243,449 | 2,052,857 | 1,954,286 |
| Pemiutang Perniagaan Jangka Panjang | 24 | 1,100,000 | 1,100,000 | - | - |
| Liabiliti Cukai Tertunda | 25 | 853,117 | 663,947 | 72,000 | 43,000 |
| Peruntukan Manfaat Kakitangan | 26 | 38,484 | - | 38,484 | - |
| **Jumlah Tanggungan Jangka Panjang** | | 59,036,979 | 67,156,693 | 2,892,757 | 2,914,777 |
| **TANGGUNGAN SEMASA** | | | | | |
| Pemiutang Perniagaan | 27 | 18,724,919 | 21,833,240 | 529,254 | 474,715 |
| Pelbagai Pemiutang | 28 | 20,054,504 | 32,656,952 | 1,213,673 | 2,075,086 |
| Overdraft Bank | 29 | 10,789,720 | 7,102,557 | - | - |
| Pemiutang Sewa Beli | 21 | 120,244 | 123,359 | - | - |
| Pinjaman Jangka Panjang | 22 | 2,927,968 | 711,799 | 204,715 | 195,651 |
| Peruntukan Zakat | | 200,270 | 260,760 | 200,270 | 260,760 |
| Peruntukan Cukai | | 228,014 | 47,643 | - | - |
| **Jumlah Tanggungan Semasa** | | 53,045,639 | 62,736,310 | 2,147,912 | 3,006,212 |
| **JUMLAH TANGGUNGAN** | | 112,082,618 | 129,893,003 | 5,040,669 | 5,920,989 |
| **JUMLAH EKUITI DAN TANGGUNGAN** | | **408,033,156** | **377,229,452** | **111,696,029** | **111,497,418** |

Nota-nota di muka surat 9 hingga 34 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

## PERBADANAN ISLAM JOHOR

(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

### Kumpulan

| | Rizab Penilaian Semula RM | Keuntungan Terkumpul RM | Jumlah RM | Kepentingan Bukan Kawalan RM | Jumlah Besar RM |
|---|---|---|---|---|---|
| **Pada 1 Januari 2017** | 26,129,074 | 206,333,260 | 232,462,334 | 345,128 | 232,807,462 |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | - | 14,627,180 | 14,627,180 | (98,193) | 14,528,987 |
| **Pada 31 Disember 2017** | 26,129,074 | 220,960,440 | 247,089,514 | 246,935 | 247,336,449 |
| Keuntungan bersih bagi tahun semasa | - | 48,739,025 | 48,739,025 | (617,901) | 48,121,124 |
| Saham kepentingan bukan kawalan | - | - | - | 492,965 | 492,965 |
| **Pada 31 Disember 2018** | 26,129,074 | 269,699,465 | 295,828,539 | 121,999 | 295,950,538 |

Nota-nota di muka surat 9 hingga 34 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

## Perbadanan

| | Keuntungan Terkumpul RM |
|---|---|
| **Pada 1 Januari 2017** | 105,325,853 |
| Kerugian bersih bagi tahun semasa | 250,576 |
| **Pada 31 Disember 2017** | 105,576,429 |
| Kerugian bersih bagi tahun semasa | 1,078,931 |
| **Pada 31 Disember 2018** | **106,655,360** |

Nota-nota di muka surat 9 hingga 34 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

## PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

| | Nota | Kumpulan 2018 RM | Kumpulan 2017 RM | Perbadanan 2018 RM | Perbadanan 2017 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Pendapatan kendalian | 30 | 109,027,533 | 109,756,037 | 1,763,869 | 1,724,647 |
| Kos kendalian | 31 | (119,463,237) | (121,894,018) | (6,366,891) | (7,113,234) |
| Kerugian dari operasi | | (10,435,704) | (12,137,981) | (4,603,022) | (5,388,587) |
| Lain-lain pendapatan | | 13,771,113 | 15,970,715 | 6,012,799 | 5,935,675 |
| Kos kewangan | | (1,319,427) | (967,029) | (46,576) | (58,752) |
| Keuntungan bersih sebelum bahagian dalam syarikat bersekutu | 32 | 2,015,982 | 2,865,705 | 1,363,201 | 488,336 |
| Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu | | 59,340,793 | 16,551,692 | - | - |
| Keuntungan bersih sebelum zakat dan cukai | | 61,356,775 | 19,417,397 | 1,363,201 | 488,336 |
| Zakat | 34 | (255,288) | (297,760) | (200,270) | (260,760) |
| Keuntungan bersih selepas zakat dan sebelum cukai | | 61,101,487 | 19,119,637 | 1,162,931 | 227,576 |
| Cukai | 35 | (12,980,363) | (4,590,650) | (84,000) | 23,000 |
| Keuntungan bersih selepas zakat dan cukai | | 48,121,124 | 14,528,987 | 1,078,931 | 250,576 |
| Kepentingan bukan kawalan | | 617,901 | 98,193 | - | - |
| **Keuntungan bersih bagi tahun semasa** | | **48,739,025** | **14,627,180** | **1,078,931** | **250,576** |

Nota-nota di muka surat 9 hingga 34 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | Kumpulan | | Perbadanan | |
|---|---|---|---|---|
| | 2018 RM | 2017 RM | 2018 RM | 2017 RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN KENDALIAN** | | | | |
| Keuntungan bersih sebelum zakat dan cukai | 61,356,775 | 19,417,397 | 1,363,201 | 488,336 |
| Pelarasan untuk: | | | | |
| Bahagian keuntungan dalam syarikat bersekutu | (59,340,793) | (16,551,692) | - | - |
| Kerugian dari pelupusan saham syarikat bersekutu | 3,155 | 1,700 | - | - |
| Dividen saham tersiar harga (kasar) | (336,648) | (324,687) | (336,648) | (324,687) |
| Dividen pelaburan portfolio | (24,575) | (47,832) | (24,575) | (47,832) |
| Dividen syarikat subsidiari | - | - | (2,025,000) | (2,725,000) |
| Faedah pelaburan mudharabah/simpanan tetap | (1,397,835) | (1,321,040) | - | - |
| Faedah akaun semasa | (80,621) | (44,255) | (14,631) | (11,150) |
| Keuntungan dari jualan harta, loji dan peralatan | - | (9,253,035) | - | - |
| Kerugian dari penjualan pelaburan saham tersiar harga | - | 25,773 | - | - |
| Kerugian atas jualan saham | - | - | - | - |
| Keuntungan nilai saksama atas pelaburan | - | - | - | - |
| Pendapatan tertunda diiktiraf | (201,478) | (122,610) | (160,296) | (81,428) |
| Pendapatan faedah atas pendahuluan kepada syarikat subsidiari | - | - | (18,140) | (9,120) |
| Yuran pengurusan diterima daripada syarikat subsidiari | - | - | (3,156,670) | (2,523,370) |
| Susutnilai dan pelunasan | 5,135,077 | 5,216,083 | 908,372 | 751,492 |
| Perbelanjaan faedah pinjaman jangka panjang | 622,743 | 751,253 | 46,576 | 58,752 |
| Perbelanjaan faedah sewabeli | 16,073 | 24,462 | - | - |
| Perbelanjaan faedah overdraf bank | 680,611 | 175,428 | - | - |
| Hartanah, loji dan peralatan dihapuskira | 40,126 | 439,194 | 40,125 | - |
| Peruntukan rosotnilai saham amanah | 229,393 | - | 229,393 | - |
| Peruntukan rosotnilai saham | 10,750 | - | - | - |
| Peruntukan rosotnilai saham ditulisbalik | - | (51,250) | - | - |
| Peruntukan hutang ragu ditulisbalik | (1,244,256) | - | - | - |
| Perbelanjaan pembangunan dihapuskira | 305,411 | - | - | - |
| Peruntukan hutang ragu | | | | |
| - penghutang perniagaan dan pelbagai penghutang | 69,674 | 20,113 | - | 9,963 |
| Aset biologikal dihapuskira | - | 3,399,709 | - | - |
| Keuntungan/(Kerugian) kendalian sebelum perubahan dalam modal kerja | 5,843,582 | 1,754,711 | (3,148,293) | (4,414,044) |
| Tambahan dalam harta dan perbelanjaan pembangunan | (29,164,644) | (19,576,632) | - | - |
| Kurangan dalam inventori | 788,715 | 397,401 | - | - |
| Kurangan/(Tambahan) penghutang perniagaan dan pelbagai | 8,890,869 | (16,528,043) | 103,006 | (103,920) |
| Kurangan jumlah terhutang daripada syarikat subsidiari | - | - | 676,557 | 2,283,368 |
| (Kurangan)/Tambahan pemiutang perniagaan dan pelbagai | (5,891,412) | 18,290,079 | (768,390) | 233,581 |
| Tunai digunakan oleh kendalian | (19,532,890) | (15,662,484) | (3,137,120) | (2,001,015) |
| Zakat dibayar | (297,760) | (333,018) | (260,760) | (294,018) |
| Cukai dibayar | (4,876,117) | (4,722,209) | (300,000) | - |
| Cukai dikembalikan | 1,816,268 | 2,225,616 | - | 255,000 |
| Pendapatan faedah daripada syarikat subsidiari diterima | - | - | 18,140 | 9,120 |
| Dividen syarikat subsidiari diterima | - | - | 2,025,000 | 2,725,000 |
| Faedah akaun semasa diterima | 14,631 | 11,150 | 14,631 | 11,150 |
| **Tunai bersih (digunakan)/dihasilkan oleh kegiatan kendalian** | (22,875,868) | (18,480,945) | (1,640,109) | 705,237 |

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
(Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976)

**PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

| | Nota | Kumpulan | | Perbadanan | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | 2018 RM | 2017 RM | 2018 RM | 2017 RM |
| **ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PELABURAN** | | | | | |
| Pembelian harta, loji dan peralatan | | (3,228,913) | (6,112,866) | (557,792) | (2,435,329) |
| Pelarasan harta, loji dan peralatan | | 607,151 | - | 607,151 | - |
| Pembelian aset biologikal | | (1,922,116) | (4,706,129) | - | - |
| Pembelian aset tidak ketara | | (7,085) | (3,510) | - | - |
| Tambahan pendapatan tertunda | | 258,867 | - | 258,867 | - |
| Perolehan dari penjualan harta, loji dan peralatan | | 3,167 | 6,188,465 | - | - |
| Pembelian saham amanah | | (231,044) | (40,996) | (231,044) | (40,996) |
| Perolehan jualan saham syarikat bersekutu | | 2 | - | - | - |
| Penambahan pelaburan pengurusan portfolio | | 154,283 | 58,807 | 154,283 | 58,807 |
| Pembelian pelaburan pasaran wang | | (1,188,958) | 361,621 | (1,188,958) | 361,621 |
| Dividen dari syarikat bersekutu (bersih) diterima | | 203,840 | - | - | - |
| Dividen saham tersiar harga (bersih) diterima | | 361,223 | 372,519 | 361,223 | 372,519 |
| Faedah pelaburan mudharabah/simpanan tetap diterima | | 1,463,825 | 1,354,145 | - | - |
| **Tunai bersih digunakan oleh kegiatan pelaburan** | | **(3,525,758)** | **(2,527,944)** | **(596,270)** | **(1,683,378)** |
| **ALIRAN TUNAI DARI KEGIATAN PEMBIAYAAN** | | | | | |
| Pemiutang sewa beli dibayar | | (123,360) | (259,603) | - | - |
| Pinjaman jangka panjang dibayar | | (13,379,604) | (13,012,440) | (179,011) | (186,447) |
| Pinjaman jangka panjang diperolehi | | 7,221,117 | 6,196,310 | - | - |
| Kurangan dalam simpanan tetap yang dicagarkan | | 24,929,013 | 25,554,039 | - | - |
| Faedah pinjaman dibayar | | (1,319,427) | (951,143) | (46,576) | (58,752) |
| **Tunai bersih dihasilkan/(digunakan) oleh kegiatan pembiayaan** | | **17,327,739** | **17,527,163** | **(225,587)** | **(245,199)** |
| **KURANGAN TUNAI DAN TUNAI SETARA DALAM TAHUN SEMASA** | | **(9,073,887)** | **(3,481,726)** | **(2,461,966)** | **(1,223,340)** |
| **TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA 1 JANUARI** | | **30,925,925** | **34,407,651** | **10,882,866** | **12,106,206** |
| **TUNAI DAN TUNAI SETARA PADA 31 DISEMBER** | | **21,852,038** | **30,925,925** | **8,420,900** | **10,882,866** |
| **ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA** | | | | | |
| Pelaburan mudharabah/simpanan tetap | | 72,786,879 | 99,157,216 | 6,460,621 | 7,914,621 |
| Wang tunai dan baki di bank | | 24,982,376 | 28,927,776 | 1,960,279 | 2,968,245 |
| Overdraf bank | | (10,789,720) | (7,102,557) | - | - |
| | | 86,979,535 | 120,982,435 | 8,420,900 | 10,882,866 |
| Pelaburan mudharabah/simpanan tetap dicagarkan | 18 | (65,127,497) | (90,056,510) | - | - |
| | | **21,852,038** | **30,925,925** | **8,420,900** | **10,882,866** |

Nota-nota di muka surat 9 hingga 34 merupakan sebahagian penting penyata kewangan ini.

**PERBADANAN ISLAM JOHOR**
( Diperbadankan di bawah Enakmen Negeri Johor Bil. 1, Tahun 1976 )

**NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2018**

## 1. MAKLUMAT UMUM

Perbadanan telah ditubuhkan di Malaysia dibawah Enakmen Negeri Johor, Bil. 1, Tahun 1976 dan bermastautin di Malaysia dan pada dasarnya berkewajipan memajukan, menggalakkan, memudahkan dan menyelenggarakan kemajuan tanah di dalam Negeri Johor bagi maksud kemajuan Agama Islam, kemajuan pertanian, perumahan, perusahaan, perlombongan dan kegiatan korporat.

Kegiatan-kegiatan utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu dinyatakan dalam Nota 7 dan 8.

Alamat perniagaan Perbadanan bertempat di T3.1 Bangunan PIJ, 26C Jalan Rebana, Kebun Teh, 80250 Johor Bahru.

Penyata kewangan setiap entiti dalam Kumpulan dibentangkan dalam matawang fungsian, yang mana merupakan matawang persekitaran ekonomi utama di mana entiti beroperasi.

Matawang fungsian Perbadanan adalah Ringgit Malaysia ('RM"), di mana aktiviti utama jualan dan pembelian adalah dalam RM, perolehan daripada operasi biasanya disimpan dalam RM dan dana daripada aktiviti pembiayaan dijana dalam RM

Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan dinyatakan dalam RM, yang mana merupakan matawang funsian Perbadanan, dan matawang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

## 2. PEMATUHAN DENGAN PIAWAIAN LAPORAN ENTITI PERSENDIRIAN MALAYSIA

Penyata kewangan disatukan Kumpulan and penyata kewangan Perbadanan telah disediakan selaras dengan Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS").

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

**( a ) Asas perakaunan**

Penyata kewangan Kumpulan dan Perbadanan ini telah disediakan mengikut konvensyen kos sejarah kecuali bagi penilaian aset dan liabiliti tertentu.

**( b ) Asas penyatuan**

Penyata kewangan disatukan merangkumi penyata kewangan pemilik induk dan kesemua anak-anak syarikat. Anak-anak syarikat adalah entiti-entiti dikawal oleh pemilik induk. Kawalan wujud apabila pemilik induk mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar-dasar kewangan dan operasi sesebuah entiti untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Pelaburan dalam anak-anak syarikat diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Perbadanan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Keuntungan dan perbelanjaan anak syarikat disertakan dalam penyata kewangan disatukan bermula dari tarikh pengambilalihan sehingga tarikh dimana pemilik induk terhenti mengawal anak syarikat. Apabila pemilik induk terhenti mengawal sebuah anak syarikat, sebarang perbezaan di antara perolehan daripada pelupusan anak syarikat dan nilai bawaan pada tarikh kawalan hilang, adalah diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan sebagai keuntungan atau kerugian pada pelupusan anak syarikat.

Penyata kewangan disatukan disediakan menggunakan dasar-dasar perakaunan yang seragam bagi urusniaga dan peristiwa dan syarat lain dalam keadaan yang sama

Kepentingan bukan kawalan dibentangkan dalam penyata kedudukan kewangan disatukan dalam ekuiti, secara berasingan daripada ekuiti yang boleh diagihkan kepada pemilik induk. Kepentingan bukan kawalan juga didedahkan secara berasingan di dalam penyata pendapatan komprehensif disatukan.

Semua baki, urusniaga di antara kumpulan, termasuk pendapatan dan perbelanjaan dihapuskan sepenuhnya.

**( c ) Penggabungan Perniagaan**

Penggabungan perniagaan diambilkira dengan menggunakan kaedah pembelian. Kos penggabungan perniagaan adalah diukur pada agregat nilai saksama, pada tarik pengambilalihan, aset diberikan, liabiliti yang ditanggungkan atau diandaikan, dan ekuiti diterbitkan oleh Kumpulan, sebagai pertukaran kawalan syarikat yang diambilalih, menambah sebarang kos boleh diagaihkan secara langsung kepada penggabungan perniagaan

Pada tarikh pengambilalihan, Kumpulan memperuntukan kos penggabungan perniagaan dengan mengiktiraf aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka pada nilai saksama, kecuali aset atau liabiliti cukai tertunda yang timbul daripada aset yang diperoleh dan liabiliti yang ditanggung dalam penggabungan perniagaan dan sesuatu liabiliti atau aset, jika ada, yang berkaitan dengan pengaturan faedah pekerja pemeroleh. Sebarang lebihan daripada kos penggabungan perniagaan di atas kepentingan pemeroleh dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti, liabiliti luar jangka adalah direkodkan sebagai muhibah. Sebarang kepentingan bukan kawalan dalam pengambilalihan adalah diukur pada bahagian kepentingan bukan kawalan ke atas amaun yang diiktiraf ke atas aset bersih boleh dikenal pasti yang diperolehi.

Jika, selepas penilaian semula, kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset boleh dikenal pasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf melebihi kos penggabungan perniagaan, lebihan itu diiktiraf serta-merta dalam keuntungan atau kerugian

Dalam penyata kewangan yang disatukan, kepentingan bukan kawalan dalam aset bersih anak syarikat adalah dimasukkan dalam ekuiti. Kumpulan menganggap perubahan dalam kepentingan kawalan pemilik induk dalam anak syarikat yang tidak menyebabkan kehilangan kawalan sebagai urusniaga dengan pemegang ekuiti dalam kedudukan mereka sebagai pemegang ekuiti. Justeru, amaun bawaan kepentingan bukan kawalan diselaraskan untuk menggambarkan perubahan dalam kepentingan pemilik induk dalam aset bersih anak syarikat tersebut. Sebarang perbezaan di antara amaun yang mana kepentingan bukan kawalan diselaraskan demikian dan nilai saksama pertimbangan dibayar atau diterima, jika ada, diiktiraf secara langsung dalam ekuiti dan diagihkan kepada pemegang ekuiti pemilik induk. Keuntungan atau kerugian daripada perubahan ini dan perubahan dalam amaun bawaan aset (termasuk muhibah) atau liabiliti akibat daripada urusniaga tersebut tidak diiktiraf.

**( d ) Hartanah, loji dan peralatan dan susutnilai**

Kos sesuatu item bagi hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Perbadanan dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat. Selepas diiktiraf sebagai aset, semua item hartanah, loji dan peralatan adalah diukur pada kos ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, kecuali tanah pegangan bebas dan bangunan.

Selepas pengiktirafan sebagai aset, tanah pegangan dan bangunan dibawa pada amaun dinilai semula, iaitu pada nilai saksama pada tarikh penilaian semula, ditolak sebarang susutnilai terkumpul dan kerugian rosotnilai terkumpul berikutnya. Penilaian semula dibuat dengan kekerapan yang mencukupi untuk memastikan bahawa amaun bawaan tidak berbeza secara ketara daripada apa yang ditentukan menggunakan nilai saksama pada akhir tempoh pelaporan.

Peningkatan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain dan terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah, kecuali apabila peningkatan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian setakat yang ia membalikkan pengurangan penilaian semula aset yang sama sebelum ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Pengurangan penilaian semula yang timbul daripada penilaian semula diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali apabila penurunan diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain setakat mana baki kredit yang sedia ada dalam lebihan penilaian semula hartanah berkenaan dengan aset itu. Penurunan yang diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain mengurangkan amaun yang terkumpul dalam ekuiti di bawah tajuk lebihan penilaian semula hartanah.

Kecuali tanah pegangan bebas dan hartanah di bawah pembinaan yang tidak disusutnilai, susutnilai disediakan atas kaedah garis lurus untuk menghapuskira amaun yang boleh disusutnilai sepanjang jangka hayat bergunanya, seperti berikut:

| | Tahun |
|---|---|
| Bangunan milikpajak jangka pendek | 25 |
| Perabut, perkakas dan ubahsuai | 5 - 10 |
| Kenderaan bermotor | 4 - 5 |
| Komputer | 4 - 5 |
| Jentera | 5 |

Susutnilai aset bermula apabila ianya sedia untuk digunakan.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Amaun bawaan bagi item hartanah, loji dan peralatan tidak lagi diiktiraf ke atas pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa depan dijangka daripada penggunaan atau pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian yang timbul daripada penyahiktirafan item hartanah, loji dan peralatan, ditentukan sebagai perbezaan di antara perolehan pelupusan bersih, jika ada, dan amaun bawaan item, diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Sama ada perolehan jualan atau sebarang keuntungan ke atas pelupusan tidak dikelaskan sebagai hasil.

**( e ) Hartanah Pelaburan**

Hartanah pelaburan yang dipegang untuk mendapat sewa atau untuk peningkatan modal atau kedua- duanya, pada awalnya diukur pada kos. Kos urusniaga termasuk dalam pengukuran awal.

Selepas pengiktirafan sebagai hartanah pelaburan, jika nilai saksama item hartanah pelaburan yang boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar diukur pada nilai saksama pada setiap tarikh pelaporan dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk sesuatu hartanah pelaburan yang diukur pada nilai saksama, ia adalah diambil kira sebagai hartanah, loji dan peralatan mengikut Seksyen 17 MPERS selepas itu. Amaun bawaan hartanah pelaburan pada tarikh tersebut menjadi kosnya.

Kepentingan hartanah yang dipegang di bawah pajakan operasi tidak dikelaskan dan diambilkira sebagai hartanah pelaburan

Nilai saksama hartanah pelaburan untuk Kumpulan dan Perbadanan tidak dapat diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar kerana Pengarah-Pengarah tidak mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk menilai harta-harta tersebut dan kos untuk melantik jurunilai bebas adalah tidak di dalam kemampuan Kumpulan dan Perbadanan.

**( e ) Muhibah**

Muhibah yang diambilalih dalam penggabungan perniagaan, yang merupakan lebihan kos penggabungan perniagaan ke atas kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama bersih aset yang boleh dikenalpasti, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang diiktiraf, pada mulanya diukur pada kos dan diiktiraf sebagai aset. Selepas pengiktirafan awal, muhibah diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Pelunasan muhibah dikira dengan menggunakan kaedah garis lurus ke atas jangka hayat bergunanya. Tempoh jangkaan hayat berguna muhibah ialah 10 tahun, berdasarkan kepada anggaran terbaik pihak pengurusan

Bagi tujuan ujian rosotnilai, muhibah diperuntukan, pada tarikh pengambilalihan, kepada setiap unit penjanaan tunai Kumpulan yang dijangka mendapat manfaat daripada sinergi gabungan, tidak kira sama ada aset atau liabiliti lain syarikat yang diambilalih ditempatkan kepada unit-unit tersebut. Unit penjanaan tunai di mana muhibah telah diperuntukan diuji untuk rosotnilai setiap tahun, dan apabila terdapat tanda bahawa unit mungkin mengalami rosotnilai, dengan membandingkan amaun bawaan unit, termasuk muhibah, dengan amaun boleh pulih unit. Kerugian rosotnilai diiktiraf bagi unit penjanaan tunai apabila amaun boleh pulih unit kurang daripada amaun bawaan unit. Sebarang kerugian rosotnilai yang diiktiraf diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan bagi sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain bagi unit *pro rata* berdasarkan asas amaun bawaan bagi setiap aset yang terpakai dalam unit. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf untuk muhibah tidak ditimbal semula pada tempoh kemudiannya.

**( f ) Aset tidak ketara**

Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang dikaitkan dengan aset akan mengalir kepada Kumpulan dan Perbadanan, kos atau nilai aset boleh diukur dengan pasti dan aset tidak mengakibatkan daripada perbelanjaan yang dilibatkan secara dalaman pada item tidak ketara

**(i) Aset tidak ketara diambilalih berasingan**

Aset tak ketara diambilalih berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul. Paten dan tanda niaga dilunaskan atas kaedah garis lurus berbanding sepanjang jangka hayat berguna selama 5 tahun. Tempoh dan kaedah pelunasan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, hayat berguna atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu

**(ii) Aset tidak ketara yang dijanakan secara dalaman**

Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman yang timbul daripada aktiviti penyelidikan dan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila mereka dilibatkan melainkan mereka menjadi sebahagian daripada kos aset lain yang memenuhi kriteria pengiktirafan

**( g ) Pelaburan dalam syarikat bersekutu**

Syarikat bersekutu adalah entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh penting dan bukan merupakan anak syarikat ataupun kepentingan di dalam usahasama. Pengaruh penting adalah kuasa untuk mengambil bahagian dalam dasar kewangan dan operasi syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan atau kawalan bersama ke atas dasar-dasar tersebut.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu, selain daripada yang terdapat sebutharga terbitan, diambilkira dalam penyata kewangan berasingan Perbadanan pada kos ditolak sebarang kerugian rosotnilai terkumpul.

Pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah diambilkira dalam penyata kewangan disatukan Kumpulan menggunakan kaedah ekuiti sehingga tarikh Kumpulan tidak lagi mempunyai pengaruh penting ke atas syarikat bersekutu.

Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam syarikat bersekutu adalah pada awalnya diiktiraf pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga, dan selepas itu diselaraskan untuk menggambarkan bahagian keuntungan atau kerugian dan pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu Kumpulan selepas tarikh pengambilalihan. Jika bahagian kerugian syarikat bersekutu Kumpulan menyamai atau melebihi amaun bawaan pelaburannya dalam syarikat bersekutu, Kumpulan berhenti mengiktiraf bahagian kerugian selanjutnya.

Atas pengambilalihan pelaburan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan mengambilkira perbezaan di antara kos pengambilalih dan bahagian nilai saksama bersih aset yang boleh dikenal pasti Kumpulan selaras dengan dasar untuk mengiktiraf "muhibah". Bahagian keuntungan dan kerugian syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diselaraskan untuk mengambilkira susutnilai atau pelunasan susutnilai tambahan atas aset boleh disusutnilaikan atau aset boleh dilunaskan syarikat bersekutu, termasuk muhibah, atas dasar melebihi nilai saksamanya ke atas amaun bawaan pada tarikh pengambilalihan.

Apabila terdapat petanda bahawa pelaburan dalam syarikat bersekutu mungkin mengalami rosotnilai, Kumpulan menguji amaun bawaan keseluruhan pelaburan untuk rosotnilai sebagai aset tunggal. Sebarang muhibah yang dimasukkan sebagai sebahagian daripada amaun bawaan pelaburan dalam syarikat bersekutu tidak diuji secara berasingan untuk rosotnilai tetapi, sebagai sebahagian daripada pengujian rosotnilai pelaburan secara keseluruhannya.

Keuntungan atau kerugian belum direalisasi atas urusniaga yang dibuat di antara Kumpulan dan syarikat bersekutu adalah dihapuskan setakat mana kepentingan Kumpulan dalam syarikat bersekutu.

**( h ) Aset biologikal**

Aset biologikal Kumpulan adalah ladang kelapa sawit.

Ladang kelapa sawit diiktiraf pada kos dan ditolak pelunasan terkumpul dan rosotnilai terkumpul. Kos perladangan termasuk kos pembangunan ladang terkumpul sejak permulaan semaian sehingga matang. Setelah matang, permodalan pembangunan ladang dan lain-lain kos operasi akan terhenti. Bagi kelapa sawit, anggaran matang adalah pada tahun ketiga.

Pelunasan ladang kelapa sawit dilakukan secara garis lurus sepanjang anggaran tempoh jangka hayat berguna iaitu 25 tahun.

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada kaedah pelunasan dan jangka hayat berguna aset biologikal sejak tarikh laporan tahunan lepas yang ditentukan berdasar kawasan tanaman atau tanman semula, kaedah pelunasan dan jangka hayat berguna aset yang boleh dilunaskan akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Apabila perladangan telah mencapai tempoh akhir jangka hayat berguna atau telah ditanam semula, amaun bawaan untuk pokok yang lama akan dinyahiktiraf dan kos untuk pokok yang baru akan dianggap sebagai gantian pokok yang lama dan akan dipermodalkan.

**( i ) Harta dan perbelanjaan pembangunan**

Harta pembangunan terdiri daripada tanah milikpajak yang disimpan untuk pembangunan di masa hadapan. Perbelanjaan pembangunan merupakan perbelanjaan langsung akan projek pembangunan. Harta dan perbelanjaan pembangunan yang termasuk perbelanjaan berkaitan sejak pemerolehannya dinyatakan pada kos melainkan pada pendapat pengarah terdapat kekurangan dalam anggaran amaun yang dapat diperoleh semula daripada pembangunan dan kegunaan atau pelupusannya. Amaun kekurangan yang dianggar diambilkira dalam Penyata Pendapatan.

**( j ) Rosotnilai aset selain daripada muhibah, inventori dan aset kewangan**

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang tanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai. Jika mana-mana petanda sedemikan wujud, amaun boleh pulih aset tersebut dianggarkan.

Apabila terdapat petanda bahawa aset mungkin mengalami rosotnilai tetapi ia tidak dapat menganggar amaun boleh pulih bagi aset tersebut, Kumpulan dan Perbadanan akan menganggarkan amaun boleh pulih bagi unit penjanaan tunai di mana aset tersebut dimiliki.

Amaun boleh pulih aset dan unit penjanaan tunai adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa depan adalah didiskaunkan kepada nilai semasa dengan menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut.

Jika amaun boleh pulih aset atau unit penjanaan tunai kurang daripada amaun bawaan, kerugian rosotnilai diiktiraf untuk mengurangkan amaun bawaan kepada amaun boleh pulih. Kerugian rosotnilai bagi unit penjanaan tunai adalah diperuntukan terlebih dahulu untuk mengurangkan amaun bawaan sebarang muhibah yang diperuntukan kepada unit penjanaan tunai, dan kemudian, kepada aset bukan semasa lain unit *pro-rata* atas asas amaun bawaan bagi setiap aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai. Kerugian rosotnilai aset diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai pengurangan penilaian semula.

Amaun boleh pulih adalah lebih tinggi daripada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, nilai dalam penggunaan aset atau unit penjanaan tunai, dan sifar.

Kerugian rosotnilai yang diiktiraf dalam tempoh sebelumnya untuk aset atau aset yang sesuai dalam unit penjanaan tunai dibalikkan apabila terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menetapkan amaun boleh pulih aset. Kerugian rosotnilai yang dibalikkan hanya setakat tahap amaun bawaan aset tidak melebihi amaun bawaan yang telah ditentukan, ditolak susutnilai, jika tiada kerugian rosotnilai yang telah diiktiraf pada tempoh lepas. Pembalikan kerugian rosotnilai adalah diiktiraf dengan serta-merta dalam keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada amaun dinilai semula, di mana ia dilayan sebagai peningkatan penilaian semula.

**( k ) Inventori**

Inventori adalah diukurkan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu.

Pada setiap tarikh pelaporan, inventori dinilai untuk rosotnilai. Jika sesuatu item inventori dirosotnilai, amaun bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan; kerugian rosotnilai diiktiraf dengan serta merta dalam keuntungan atau kerugian. Pada setiap tarikh pelaporan kemudian, Kumpulan dan Perbadanan membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosotnilai dibalikkan setakat di mana amaun bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk siapan dan jualan.

**(I) Aset kewangan**

Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, aset kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi pihak bertimbal kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan, dan aset kewangan merupakan instrumen ekuiti diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**(i) Aset kewangan diukur pada nilai saksam menerusi keuntungan atau kerugian**

Aset kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila aset kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika aset kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian.

Jika ukuran pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti nilai saksama boleh didapati.

**(ii) Aset kewangan merupakan instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, instrumen hutang diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa diukur pada amaun tunai yang tidak didiskaunkan atau pertimbangan lain yang dijangka boleh diterima.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan aset kewangan dan untuk memperuntukan pendapatan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran penerimaan tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat aset kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan aset kewangan.

**(iii) Aset Kewangan merupakan Instrumen Ekuiti Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai**

Instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam dan dimana nilai saksama tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar, dan kontrak yang berhubung kepada instrumen tersebut, jika dilaksanakan, akan menyebabkan penghantaran instrumen tersebut, diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**(iv) Rosotnilai aset kewangan**

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Kumpulan dan Perbadanan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan yang diukur pada kos atau kos dilunaskan, telah dirosotnilai.

Bukti objektif boleh termasuk:

- kesukaran kewangan yang ketara oleh penerbit atau obligor
- pelanggaran kontrak.
- pemberi pinjaman memberikan kepada peminjam sebuah konsesi bahawa pemberi pinjaman tidak akan dipertimbangkan.
- ia menjadi kemungkinan bahawa peminjam akan bankrap atau penyusunan semula kewangan lain.
- data yang boleh diperhatikan dapat menunjukkan bahawa terdapat penurunan yang boleh diukur dalam anggaran aliran tunai masa depan daripada aset kewangan sejak pengiktirafan awal aset.

Bagi kategori tertentu aset kewangan, seperti penghutang dagangan, jika ia ditentukan bahawa tiada bukti objektif rosotnilai wujud bagi aset kewangan dinilai individu, sama ada penting atau tidak, aset termasuk dalam kumpulan yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa dan dinilai secara kolektif untuk rosotnilai.

Kerugian rosotnilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset asal.

Jika terdapat bukti objektif bahawa kerugian rosotnilai telah dilibatkan ke atas aset kewangan diukur pada kos ditolak rosotnilai, amaun kerugian rosotnilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun bawaan aset dan anggaran amaun terbaik yang mana Kumpulan dan Syarikat akan diterima bagi aset jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

Amaun bawaan aset kewangan dikurangkan secara langsung, kecuali amaun bawaan penghutang dagangan yang dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosotnilai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosotnilai menurun, kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan secara langsung, kecuali bagi amaun yang berkaitan dengan penghutang dagangan yang dibalikkan untuk dimasukkan semula amaun yang sebelum ini diperuntukan dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta.

**(v) Penyahiktirafan aset kewangan**

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh, atau diselesai, atau Kumpulan dan Syarikat memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara amaun bawaan dan jumlah pertimbangan diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian kumulatif adalah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh pemindahan.

**( m ) Tunai dan kesetaraan tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank, deposit jangka pendek dan pelaburan yang lain berjangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilalihan, selepas ditolak overdraf bank.

**( n ) Liabiliti dan ekuti**

**(i) Pengkelasan liabiliti dan ekuiti**

Liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti adalah dikelaskan selaras dengan ciri-ciri dalam pengaturan kontrak, bukan sekadar bentuk undang-undang, dan selaras dengan definisi liabiliti kewangan dan instrumen ekuiti.

**(ii) Liabiliti kewangan**

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Perbadanan menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusniaga, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, melainkan perjanjian membentuk, pada kesan, sebuah urusniaga pembiayaan bagi Syarikat kepada pengaturan.

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada tiga kategori: liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian, liabiliti kewangan diukur pada kos dilunaskan, atau komitmen pinjaman diukur pada kos ditolak rosotnilai.

**(iii) Liabiliti Diukur pada Nilai Saksama menerusi Keuntungan atau Kerugian**

Liabiliti kewangan adalah dikelaskan sebagai nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan adalah dalam skop Seksyen 12 MPERS atau jika liabiliti kewangan diniagakan secara awam atau nilai saksamanya tidak boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Jika ukuran yang pasti bagi nilai saksama tidak lagi boleh didapati untuk instrumen ekuiti yang tidak diniagakan secara awam tetapi diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, nilai saksamanya pada tarikh akhir instrumen yang boleh dinilai dengan pasti dianggap sebagai kos instrumen, dan ia diukur pada amaun kos ini ditolak rosotnilai sehingga ukuran pasti bagi nilai saksama boleh didapati

**(iv) Liabiliti Kewangan Diukur pada Kos Dilunaskan**

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan selain daripada liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan dan kerugian adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Keuntungan atau kerugian diiktiraf pada keuntungan atau kerugian apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosotnilai.

Kaedah faedah efektif adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah efektif adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan amaun bawaan liabiliti kewangan.

**(v) Komitmen Pinjaman Diukur pada Kos Ditolak Rosotnilai**

Komitmen untuk menerima pinjaman yang memenuhi syarat-syarat Seksyen 11 MPERS diukur pada kos ditolak rosotnilai

**(vi) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan**

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara amaun bawaan liabiliti kewangan dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian

**( o ) Peruntukan**

Sesuatu peruntukan diiktiraf apabila Kumpulan dan Perbadanan mempunyai obligasi pada tarikh pelaporan akibat daripada peristiwa yang lalu, ia terdapat kemungkinan bahawa pemindahan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang munasabah boleh dibuat daripada amaun obligasi tersebut.

Risiko dan ketidaktentuan yang diambilkira dalam pengiraan dalam mencapai anggaran peruntukan yang terbaik. Apabila kesan nilai masa wang adalah ketara, amaun yang diiktiraf dalam peruntukan adalah nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

**( p ) Pajakan - sebagai pemajak**

**(i) Pajakan Kewangan**

Pajakan hartanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah di sisi undang-undang, dipindahkan kepada Kumpulan dan Perbadanan.

Kumpulan dan Perbadanan pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya di bawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amaun yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap ke atas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Kumpulan dan Perbadanan akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan Perbadanan menilai sama ada aset pajakan di bawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

**(ii) Pajakan operasi**

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan di bawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

**(q) Geran kerajaan**

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu diukur pada nilai saksama aset yang diterima atau akan diterima dan diiktiraf dalam pendapatan apabila perolehan geran akan diterima.

Geran kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf pada nilai saksama dalam pendapatan hanya apabila syarat-syarat prestasi telah dipenuhi.

Geran kerajaan diterima sebelum kriteria pengiktirafan hasil dipenuhi diiktiraf sebagai liabiliti.

**(r) Hasil**

Hasil diukur pada nilai saksama atas pertimbangan yang diterima atau akan diterima, selepas ditolak sebarang diskaun perdagangan, diskaun penyelesaian segera, jumlah rebat dan cukai tidak langsung yang terpakai kepada hasil. Hasil diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian berdasarkan berikut:

**(i) Jualan Barangan**

Hasil daripada jualan barangan diiktiraf apabila semua syarat-syarat berikut telah dipenuhi:

- Kumpulan dan Perbadanan telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan barangan yang ketara kepada pembeli;
- Kumpulan dan Perbadanan tidak mengekalkan sama ada penglibatan pengurusan berterusan sehingga ke tahap yang biasanya dikaitkan dengan pemilikan mahupun kawalan penuh ke atas barangan yang dijual;
- amaun hasil boleh diukur dengan pasti;
- ia adalah berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Kumpulan dan Perbadanan; dan
- kos yang terlibat atau akan dilibatkan berhubung urusniaga boleh diukur dengan munasabah.

**(ii) Perlaksannan perkhidmatan**

Hasil daripada perlaksanaan perkhidmatan diiktiraf dengan merujuk kepada peringkat penyiapan urusniaga tersebut pada akhir tempoh pelaporan apabila hasil urusniaga tersebut boleh dianggarkan dengan pasti. Peringkat penyiapan ditentu berdasarkan kepada nisbah kos yang ditanggung bagi perkhidmatan yang diberikan sehingga tarikh terkini kepada anggaran jumlah kos.

**(iii) Hasil faedah**

Hasil faedah diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif.

**(iv) Hasil sewa**

Hasil sewa adalah diiktiraf pada asas akruan selaras dengan isi perjanjian apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi yang berkaitan dengan urusniaga akan mengalir kepada Kumpulan dan Perbadanan dan amaun hasil boleh diukur dengan munasabah.

**(v) Hasil dividen**

Hasil dividen diiktiraf apabila pemegang saham mendapat hak untuk menerima bayaran.

(vi) **Kontrak pembinaan**

Apabila keputusan daripada aktiviti kontrak pembinaan boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak dan kos kontrak yang berkaitan dengan pembinaan kontrak diiktiraf sebagai hasil dan perbelanjaan dengan merujuk kepada peringkat penyiapan aktiviti kontrak tersebut pada akhir tempoh pelaporan. Peringkat penyiapan ditentukan berdasarkan nisbah kos kontrak yang dilibatkan bagi kerja yang dilakukan sehingga kini kepada jumlah anggaran kos kontrak.

Apabila hasil kontrak pembinaan tidak boleh dianggarkan dengan pasti, hasil kontrak adalah diiktiraf hanya setakat kos kontrak yang dilibatkan yang mana ia berkemungkinan akan diperolehi semula dan kos kontrak diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana ia dilibatkan.

Apabila terdapat kemungkinan bahawa jumlah kos kontrak akan melebihi jumlah hasil kontrak, kerugian yang dijangka akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian dengan serta-merta, dengan peruntukan yang bersamaan bagi kontrak yang membebankan.

( s ) **Manfaat pekerja**

(i) **Manfaat pekerja jangka pendek**

Manfaat pekerja jangka pendek, contohnya upah, gaji dan manfaat lain, adalah diiktiraf pada amaun tidak didiskaun sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan dan Perbadanan.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diiktiraf apabila pekerja melaksanakan perkhidmatan yang meningkatkan kelayakan mereka untuk pampasan ketidakhadiran pada masa depan. Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran tidak terkumpul, seperti cuti sakit, adalah diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

Jangkaan kos ke atas pampasan ketidakhadiran terkumpul adalah diukur sebagai amaun tambahan tidak didiskaunkan yang dijangka akan dibayar sebagai akibat daripada kelayakan yang tidak digunakan yang terkumpul pada akhir tempoh pelaporan

Jangkaan kos ke atas perkongsian untung dan bayaran bonus adalah diiktiraf apabila Kumpulan dan Perbadanan mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa untuk membuat pembayaran akibat daripada peristiwa lepas dan anggaran obligasi dapat dianggarkan dengan pasti. Obligasi semasa wujud apabila Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk membuat pembayaran.

(ii) **Pelan caruman wajib**

Caruman yang perlu dibayar kepada pelan caruman wajib diiktiraf sebagai liabiliti dan perbelanjaan apabila pekerja telah melaksanakan perkhidmatan kepada Kumpulan dan Perbadanan.

(ii) **Ganjaran cuti rrhat**

Kakitangan Perbadanan akan mendapat ganjaran cuti rehat apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan kepada Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

( t ) **Kos pinjaman**

Semua kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh mereka dilibatkan.

( u ) **Cukai pendapatan**

Perbelanjaan cukai diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian, kecuali bahawa perubahan yang boleh dikaitkan dengan item pendapatan atau perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan komprehensif lain juga diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Cukai yang perlu dibayar ke atas keuntungan boleh dicukai bagi tempoh semasa dan lalu diiktiraf sebagai liabiliti cukai semasa setakat yang tidak terbayar. Jika amaun yang dibayar berkenaan dengan tempoh semasa dan lalu melebihi amaun yang perlu dibayar bagi tempoh-tempoh itu, lebihan tersebut diiktiraf sebagai aset cukai semasa.

Aset dan liabiliti cukai semasa diukur pada amaun yang dijangka akan dibayar atau dipulih, menggunakan kadar cukai dan undang-undang yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

Liabiliti dan aset cukai semasa diimbangi hanya apabila Perbadanan mempunyai hak yang sah disisi undang- undang untuk mengimbangkan amaun dan berhasrat sama ada untuk menyelesaikan pada asas bersih, atau merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

Cukai tertunda diperuntukan sepenuhnya ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara amaun bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan keuntungan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang tidak digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal sesuatu aset atau liabiliti dalam urusniaga yang bukan penggabungan perniagaan dan pada masa urusniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan mahupun keuntungan boleh dicukai. Liabiliti cukai tertunda juga tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara berkaitan dengan pengiktirafan awal muhibah.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara Kumpulan dan Perbadanan menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan amaun bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

**( v ) Pengunaan anggaran dan pertimbangan'**

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPERS memerlukan pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada anggaran ini.

Anggaran dan andaian asas disemak secara berterusan. Semakan ke atas anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran tersebut disemak dan dalam mana-mana tempoh masa depan.

Tiada sebarang ketidakpastian anggaran dan pertimbangan yang kritikal dalam melaksanakan polisi perakaunan yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf dalam penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan dalam nota yang berkaitan.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| | Tanah milikpajak jangka panjang RM | Tanah milikpajak jangka pendek RM | Bangunan pejabat milikpajak jangka panjang RM | Bangunan milikpajak jangka pendek RM | Jentera RM | Kenderaan bermotor RM |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan** | | | | | | |
| **Kos/Penilaian** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 22,379,996 | 903,210 | 21,451,234 | 10,909,343 | 3,201,744 | 1,802,812 |
| Pelarasan | - | (496,451) | - | 7,000,000 | - | - |
| Pengkelasan semula | - | - | - | - | - | - |
| Tambahan | - | - | - | 263,543 | 423,510 | 414,384 |
| Pelupusan | - | - | - | (211,556) | (80,000) | (100,313) |
| Pada 31 Disember 2018 | 22,379,996 | 406,759 | 21,451,234 | 17,961,330 | 3,545,254 | 2,116,883 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 2,661,541 | 287,449 | 4,162,500 | 11,205,762 | 2,494,078 | 1,417,956 |
| Pelarasan | | (16,550) | | (1,370) | - | - |
| Tambahan | 232,140 | 17,446 | 205,766 | 672,237 | 209,057 | 251,271 |
| Pelupusan | - | - | - | (12,444) | (79,999) | (60,187) |
| Pada 31 Disember 2018 | 2,893,681 | 288,345 | 4,368,266 | 11,864,185 | 2,623,136 | 1,609,040 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 19,486,315 | 118,414 | 17,082,968 | 6,097,145 | 922,118 | 507,843 |
| Pada 31 Disember 2017 | 19,718,455 | 615,761 | 17,288,734 | (296,419) | 707,666 | 384,856 |
| **Susutnilai dan pelunasan** | | | | | | |
| Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 | 274,545 | 33,993 | 223,250 | 515,789 | 226,098 | 353,159 |

Disambung....

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)

| | Komputer<br>RM | Perabot, perkakas dan ubahsuai<br>RM | Modal kerja sedang usaha<br>RM | Jumlah<br>RM |
|---|---|---|---|---|
| **Kumpulan** | | | | |
| **Kos/Penilaian** | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 6,033,663 | 7,641,432 | 3,917,252 | 78,240,686 |
| Pelarasan | - | - | (110,700) | 6,392,849 |
| Pengkelasan semula | - | - | - | - |
| Tambahan | 366,604 | 1,306,760 | - | 2,774,801 |
| Pelupusan | - | (90,364) | - | (482,233) |
| Pada 31 Disember 2018 | 6,400,267 | 8,857,828 | 3,806,552 | 86,926,103 |
| **Susutnilai Terkumpul** | | | | |
| Pada 1 Januari 2018 | 3,133,714 | 7,166,285 | - | 32,529,285 |
| Pelarasan | - | - | - | (17,920) |
| Tambahan | 188,794 | 515,158 | - | 2,291,869 |
| Pelupusan | - | (84,043) | - | (236,673) |
| Pada 31 Disember 2018 | 3,322,508 | 7,597,400 | - | 34,566,561 |
| **Nilai Buku Bersih** | | | | |
| Pada 31 Disember 2018 | 3,077,759 | 1,260,428 | 3,806,552 | 52,359,542 |
| Pada 31 Disember 2017 | 2,899,949 | 475,147 | 3,917,252 | 45,711,401 |
| **Susutnilai dan pelunasan** | | | | |
| Susutnilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 | 155,436 | 456,388 | - | 1,659,401 |

4. **HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMB.)**

